



LAPORAN TAHUNAN

2018

P E R B A D A N A N H A R T A I N T E L E K
M A L A Y S I A

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

	Muka Surat
01 PROFIL KORPORAT	3
02 PERUTUSAN	4
03 ANGGOTA PERBADANAN	12
04 KUMPULAN PENGURUSAN	15
05 PRESTASI HARTA INTELEK	16
PATEN DAN PERBAHARUAN UTILITI	18
CAP DAGANGAN	23
REKA BENTUK PERINDUSTRIAN	28
PETUNJUK GEOGRAFI	32
HAK CIPTA	33
PRESTASI CAWANGAN MyIPO	34
06 PENGURUSAN MAKLUMAT DAN PENTADBIRAN	35
07 PEMBANGUNAN MODAL INSAN	39
08 PEMERKASAAN HARTA INTELEK	47
09 KERJASAMA STRATEGIK	55
10 LAPORAN KEWANGAN	63
11 PENYATA KEWANGAN	71

LAGU RASMI

Paten idea baru ciptaan
Perlindungan kami berikan
Juga cap dagangan hakcipta
Dikenali di seluruh dunia

Kreatif serta yang asli
Reka bentuk pemaju industri
Masyhur seantero negeri
Petunjuk geografi

Kami sedia membantu, di MyIPO
Melindungi harta intelek
Pemudah pendaftaran, ciptaan
Efisien dan juga mesra

Meletakkan negara Malaysia
Setanding dengan negara yang maju
Menjamin semua perlindungan
Hak harta intelek

Kami sedia membantu, di MyIPO
Melindungi harta intelek
Bersikap profesional, sedia
Dalam segala tindakan

Kami sedia membantu, di MyIPO

PROFIL KORPORAT | 01

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan sistem harta intelek serta bertindak sebagai agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). MyIPO mentadbir dan menguatkuasakan Perundangan Harta Intelek yang terdiri daripada Akta Cap Dagangan 1976, Akta Paten 1983, Akta Hak Cipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepada 2000, Akta Petunjuk Geografi 2000 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. MyIPO merupakan agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran harta intelek di Malaysia. MyIPO turut mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dan menyediakan latihan harta intelek yang dikendalikan oleh Akademi Harta Intelek.

VISI

Menjadi sebuah organisasi harta intelek terbaik.

MISI

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksplotasi harta intelek.

OBJEKTIF

- Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan;
- Memperkuatkukan perundangan harta intelek;
- Menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna;
- Menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek; dan
- Menyediakan khidmat nasihat harta intelek.

02 | PERUTUSAN MENTERI



DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGUNA

Alhamdulillah, segala puji kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus mengekalkan momentum kegemilangan setelah 15 tahun ianya diperbadankan.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja yang telah bersama-sama membina kejayaan MyIPO sebagai jentera dan nadi penggerak dalam pembangunan harta intelek negara. Mendepani cabaran negara ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, peranan MyIPO perlu terus diperkasakan dengan menggiatkan lagi usaha mengkomersialkan harta intelek ke persada dunia.

Sejajar dengan semangat membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa melalui pengkomersialan harta intelek, MyIPO sewajarnya meningkatkan kesedaran mengenai harta intelek kepada usahawan-usahawan tempatan untuk menembusi pasaran luar. Malaysia terbukti mampu bersaing di peringkat

antarabangsa kerana kita memiliki pereka cipta yang mampu menghasilkan produk berkualiti seperti pemacu pena hasil inovasi anak tempatan yang telah dipasarkan di seluruh dunia. Selain itu, produk-produk inovasi anak tempatan telah diiktiraf dan digunakan di banyak negara seperti di Singapura, Australia dan Hong Kong. Jika diberi peluang, dengan bantuan serta sokongan dari pihak Kerajaan dan swasta, para pereka cipta ini mampu menghasilkan produk harta intelek yang boleh dikomersialkan serta dapat menjana pendapatan yang menguntungkan kepada individu, syarikat dan juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam konteks ini, MyIPO telah mengambil langkah proaktif membina jaringan kerjasama dengan komuniti harta intelek melalui projek *Enabling IP Environment* (EIE) yang melibatkan industri tempatan, institusi akademik, penyelidikan dan agensi kerajaan dalam menggunakan maklumat paten secara berkesan. Projek ini bertujuan membantu penghasilan produk inovasi yang berpotensi untuk dikomersialkan dan diperlukan oleh komuniti setempat dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Selain itu, projek ini merupakan satu platform interaksi dan rangkaian kerjasama antara pihak universiti dan industri bagi menggalakkan kegiatan penciptaan ilmu (*knowledge creation*), pemindahan teknologi dan transformasi penyelidikan kepada produk dan perkhidmatan untuk dipasarkan melalui kerjasama timbal balik antara kedua-dua belah pihak.

Dari sudut perlindungan cap dagangan pula, MyIPO sentiasa berusaha menyediakan persekitaran yang kondusif kepada usahawan untuk melindungi cap dagangan mereka di luar negara. Malaysia melihat Protokol Madrid sebagai sistem pemudah cara untuk mengupayakan pemilik cap dagangan bagi menikmati manfaat perlindungan di 119 negara. Oleh itu, Malaysia komited untuk menyertai Protokol Madrid yang berupaya memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan harta intelek di Malaysia seterusnya membuka laluan kepada produk dan perkhidmatan tempatan untuk memasuki pasaran antarabangsa.

Malah, bukan sekadar itu sahaja, dalam usaha untuk meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan, Kerajaan melalui MyIPO di bawah inisiatif Rancangan Malaysia ke-11 telah menawarkan Dana Pemfailan Harta Intelek sebanyak RM2.5 juta kepada golongan belia, pelajar sekolah, kolej kemahiran serta komuniti setempat bagi tempoh lima tahun. Dana ini membantu membiayai kos bagi kerja yang memerlukan khidmat profesional dalam bidang perundangan dan teknikal seperti pendaftaran paten. Sepanjang 2018, sebanyak 262 permohonan dana yang diterima iaitu 149 cap dagangan, 44 paten, 16 reka bentuk perindustrian, 51 hak cipta dan 2 petunjuk geografi.

Di samping itu, MyIPO turut menawarkan bantuan khidmat nasihat dan pakej pemfailan harta intelek melalui Program *IP Easy*. Program ini disasarkan kepada golongan usahawan khususnya usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Program ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan permohonan harta intelek tempatan seterusnya mempersiapkan PKS untuk lebih berdaya saing dalam pasaran ekonomi terbuka masa kini.

Akhir kata, saya berbangga dengan usaha-usaha yang telah diambil oleh MyIPO dan usaha ini perlu diteruskan demi memantapkan landskap harta intelek negara agar terus bersaing dalam mendepani cabaran era baru hari ini.

Sekian, terima kasih.

02 | PERUTUSAN PENGERUSI



DR. ROZHAN BIN OTHMAN
PENGERUSI
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izin-Nya dilantik untuk meneruskan tanggungjawab besar mengemudi MyIPO sebagai Pengurus MyIPO bagi meneruskan legasi cemerlang mantan Pengurus sebelum ini. Tanggungjawab ini memberikan saya mandat membentangkan Laporan Tahunan MyIPO bagi tahun 2018 dan penyata kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Laporan Tahunan ini mengandungi prestasi kewangan tahunan, pencapaian, aktiviti dan program-program yang telah diadakan sepanjang tahun dalam usaha terus meningkatkan tahap kesedaran rakyat negara ini untuk lebih cakna dan peka tentang kepentingan perlindungan hak harta intelek.

PRESTASI KEWANGAN 2018

MyIPO telah mencatatkan pendapatan keseluruhan berjumlah RM92.05juta dengan peningkatan sebanyak RM2.28juta (2.54%) berbanding tahun 2017 iaitu RM89.77juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM81.76juta adalah hasil operasi termasuk daripada pejabat cawangan iaitu peningkatan sebanyak RM3.98juta (5.11%) berbanding tahun 2017 iaitu RM77.78juta. Pendapatan operasi adalah terdiri daripada hasil operasi cap dagangan RM53.02juta, paten RM23.15juta, reka bentuk perindustrian RM5.21juta, hak cipta RM375,780 dan petunjuk geografi RM6,870.

Manakala pendapatan bukan operasi adalah terdiri daripada sewaan ruang pejabat dan pusat latihan, jualan aset, pendapatan faedah dan pelunasan geran kerajaan yang menyumbang kepada pendapatan MyIPO berjumlah RM10.29juta, menurun sebanyak RM1.7juta (-14.18%) berbanding tahun 2017 iaitu RM11.99juta.

PENCAPAIAN 2018

Sejumlah 52,998 permohonan harta intelek telah diterima pada 2018 dengan peningkatan sebanyak 2,810 permohonan (5.6%) berbanding 2017 iaitu 50,188. Bagi cap dagangan, sebanyak 43,656 permohonan telah diterima dengan peningkatan sebanyak 2,563 permohonan (6.2%) berbanding tahun sebelumnya 41,093 permohonan. Manakala bagi permohonan paten, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan sebanyak 215 permohonan (3.0%) kepada 7,493 permohonan berbanding 2017 sebanyak 7,278 permohonan. Bagi reka bentuk perindustrian, sebanyak 1,845 permohonan telah diterima dengan peningkatan sebanyak 31 permohonan (1.7%) berbanding tahun sebelumnya sebanyak 1,814 permohonan. Petunjuk geografi juga menunjukkan peningkatan permohonan sebanyak satu permohonan (33.3%) berbanding 2017 sebanyak tiga permohonan. Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta mencatatkan 7,078 permohonan dengan peningkatan sebanyak 1,171 permohonan (19.8%) berbanding 2017 iaitu 5,907 permohonan.

Bagi pendaftaran harta intelek pula, sejumlah 40,428 pendaftaran telah dicatatkan berbanding 2017 iaitu sebanyak 39,736 pendaftaran dengan peningkatan sebanyak 692 pendaftaran (1.7%). Berdasarkan kepada jumlah tersebut, sebanyak 34,566 cap dagangan telah didaftarkan dan jumlah ini meningkat sebanyak 1,341 pendaftaran (4%) berbanding 2017. Bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian, sebanyak 1,475 permohonan telah didaftarkan pada 2018 berbanding 1,379 bagi 2017 dengan jumlah peningkatan sebanyak 96 pendaftaran (7%). Manakala bagi pendaftaran petunjuk geografi, sebanyak 5 permohonan berjaya didaftarkan dan jumlah tersebut adalah sama seperti yang dicatatkan pada 2017. Bagi pendaftaran paten, sebanyak 4,382 permohonan paten yang didaftarkan dengan penurunan sebanyak 745 permohonan yang didaftarkan (-14.5%) berbanding 2017 sebanyak 5,127.

Usaha dan inisiatif yang telah dijalankan oleh MyIPO dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia akan perlindungan harta intelek dipergiatkan melalui program-program kesedaran harta intelek. Sebanyak 120 program kesedaran yang telah dijalankan di seluruh negara yang merangkumi seminar, bengkel, latihan, pameran dan aktiviti turun padang yang mensasarkan golongan usahawan, akademik, pelajar dan masyarakat umum.

PENGHARGAAN

Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada warga MyIPO dengan kejayaan yang dikecapi sepanjang 2018. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Anggota-Anggota Perbadanan, pihak pengurusan MyIPO dan semua pihak atas usaha dan komitmen seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan MyIPO. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada klien dan pihak berkepentingan atas sokongan mereka. Saya turut berbangga dengan usaha gigih dan tekun warga MyIPO dalam memenuhi kehendak klien dan pihak berkepentingan dengan mengamalkan sikap integriti dan profesionalisme.

HALA TUJU 2019

Dalam peralihan menjadi sebuah ekonomi yang dipacu inovasi, MyIPO perlu memperkemaskan prasarana terutamanya dalam aspek pengetahuan, kegiatan penyelidikan, ekosistem yang menyokong keusahawanan serta rangkaian hubungan di antara pihak industri dan akademik. Dalam konteks ini, hala tuju MyIPO bagi 2019 akan menggariskan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan pengantarabangsaan harta intelek. Dengan hala tuju yang jelas, pelaksanaan yang berkesan dan persekitaran yang dinamik, mampu mengangkat harta intelek sebagai instrumen kekayaan.

Sekian, terima kasih.

02 | DALAM KENANGAN



**YB DATO' SRI HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
PENGGERUSI
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**

Daripada Allah kita datang dan kepada-Nya juga kita kembali. Tidak terungkap dan tergambar dengan kata-kata pada tanggal 12 Februari 2018 merupakan detik sedih bagi semua warga kerja MyIPO dengan pemergian seorang tokoh besar iaitu YB Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail, Penggerusi MyIPO. Allahyarham telah pergi menghadap Illahi pada usia 69 tahun di kediaman beliau di Kuala Lumpur.

Allahyarham merupakan seorang yang berdedikasi, mesra, mudah didekati, baik hati, rendah diri dan berwawasan dalam meletakkan MyIPO ke peringkat yang lebih tinggi. Menyingkap latar belakang Allahyarham, YB Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Penggerusi MyIPO dari 1 Julai 2010 sehingga pemergian beliau pada 12 Februari 2018. Allahyarham memiliki Ijazah Sarjana Sains Politik dari Golden State University, California, Amerika Syarikat. Allahyarham telah berkecimpung dalam arena politik dan menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang sejak 2004. Selain menjawat jawatan sebagai Penggerusi MyIPO, beliau juga merupakan Penggerusi Majlis Pembangunan Pertanian, Penggerusi Majlis Perunding Koperasi, Penggerusi Rakan Alam Sekitar bagi Parlimen Paya Besar dan Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad. Allahyarham meninggalkan seorang isteri, enam orang anak dan 12 orang cucu. MyIPO kini kehilangan seorang insan yang amat berdedikasi serta gigih dan banyak mencurahkan bakti untuk menyebar luas kepentingan dan peranan MyIPO di mata masyarakat. Segala jasa dan pengorbanan Allahyarham pasti akan sentiasa diingati.

Semoga Allah S.W.T mencucuri limpah rahmat ke atas roh Allahyarham Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail.

Al-Fatihah.

02 | PERUTUSAN KETUA PENGARAH



DATO' SHAMSIAH BINTI KAMARUDDIN
KETUA PENGARAH
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Tahun ini merupakan tahun yang istimewa bagi seluruh warga kerja MyIPO kerana meraikan Sambutan Ulang Tahun ke-15 pengkorporatannya. Syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, MyIPO terus cemerlang menelusuri tahun 2018 yang penuh cabaran. Program-program pemerkasaan harta intelek berterusan menjadi agenda penting MyIPO untuk mengharungi fasa transisi ke era baharu bersesuaian dengan Revolusi Perindustrian 4.0 yang menjadi tonggak pembaharuan di seluruh dunia. Sehubungan itu, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakerja dalam memberi khidmat terbaik kepada masyarakat adalah menjadi perkara utama bagi MyIPO.

Bertepatan dengan usia pengkorporatan MyIPO yang telah menjangkau 15 tahun, MyIPO telah mengambil pendekatan-pendekatan baharu dan inovatif yang mampu memantapkan perkhidmatan kepada pelanggan serta pihak berkepentingan. MyIPO telah menzahirkan usaha tersebut dalam pembangunan Sistem Pengurusan Harta Intelek yang bertujuan mengendalikan urusan dan proses berkaitan pendaftaran harta intelek dengan lebih teratur. Selain itu, MyIPO turut merangka Pelan Strategik ICT untuk tempoh tiga tahun bermula tahun 2018 hingga 2020. Perancangan dan inisiatif strategik yang disusun di bawah pelan ini adalah bagi mewujudkan satu sistem ICT yang menekankan kecekapan, kualiti, serta kejayaan yang dapat dilihat dalam tempoh terdekat. Bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus pengurusan kewangan, MyIPO mengguna pakai sistem baharu iaitu Sistem MySAS (MyIPO Standard Accounting System). Melalui pembangunan sistem ini, MyIPO telah berjaya mendapat Sijil Pematuhan SAGA dari Jabatan Akauntan Negara.

Berpegang kepada prinsip bahawa inovasi dan kreativiti adalah kunci kepada pembaharuan dalam sistem penyampaian perkhidmatannya, MyIPO melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif telah berjaya menghasilkan Sistem Carian Pemilik Harta Intelek Bagi Penguatkuasaan atau EyeRIS. Sistem ini membantu pihak Penguatkuasa KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat mengenai pemilik cap dagangan berdaftar dan pemilik hak cipta yang telah mengemukakan permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta di MyIPO.

Penganjuran Anugerah Harta Intelek Negara pada setiap tahun merupakan manifestasi komitmen MyIPO dalam membina generasi yang berminda kreatif dan berinovatif. Bertemakan “Harta Intelek Tempatan Ke Persada Dunia” pada 2018, anugerah ini telah memberi pengiktirafan kepada 21 pemilik harta intelek tempatan yang terdiri daripada individu, syarikat, universiti dan sekolah. MyIPO turut memberi tumpuan kepada pendedahan akan kepentingan harta intelek seawal peringkat kanak-kanak dan remaja. Program *IP Summer Camp* adalah antara inisiatif MyIPO dengan kerjasama KPDNHEP dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini memberi peluang kepada para pelajar meningkatkan daya pemikiran kreatif dan inovatif melalui penghasilan produk inovasi harta intelek.

Sejajar dengan usaha Kerajaan memerangi gejala rasuah, MyIPO turut sama memupuk pembudayaan integriti di kalangan warga kerja. Satu majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah diadakan bagi mengekal dan meningkatkan lagi momentum integriti yang sedia wujud di MyIPO.

Dengan menelusuri tahun 2018, MyIPO telah mengatur pelbagai inisiatif sejak pengkorporatannya. MyIPO akan terus berusaha dengan lebih gigih serta dengan penuh integriti untuk menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan bagi membawa kemajuan dan kegemilangan kepada negara secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

03 | ANGGOTA PERBADANAN



DR. ROZHAN BIN OTHMAN
PENGERUSI
(Mulai 12 Disember 2018)



DATUK MUEZ ABD. AZIZ
(Mulai 24 Oktober 2018)



YB DATO' HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(Sehingga 28 Februari 2018)



DATO' BASARUDDIN BIN SADALI
(Sehingga 23 Oktober 2018)



**ENCIK MA. SIVANESAN A/L
MARIMUTHU**



DR. NOR AZLINA BINTI ARIFFIN



DATUK WIRA ISMAIL BIN SALEH



**YM TUNKU DATUK NAZIHAH BINTI
TUNKU MOHD RUS**



**PROF. DR. IDA MADIEHA
BINTI ABDUL GHANI**
(Mulai 12 Disember 2018)



DATO' SHAMSIAH BINTI KAMARUDDIN
(Sehingga 26 Julai 2018)

04 | KUMPULAN PENGURUSAN



MOHD SHAHAR BIN OSMAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)



DATO' SHAMSIAH BINTI KAMARUDDIN
Ketua Pengarah



ZULKARNAIN BIN MUHAMMAD
Timbalan Ketua Pengarah
(Strategik dan Teknikal)



AZAHAR BIN ABDUL RAZAB

Penolong Ketua Pengarah
(Pendaftaran dan Pematuhan)



KAMAL BIN KORMIN

Penolong Ketua Pengarah
(Teknikal, Sains dan Teknologi)



**SH. ARIFFIN BIN SH. MOHD
NOOR**

Penolong Ketua Pengarah
(Penadbiran dan Kewangan)



**FATIMAH ROHADA BINTI
DAHALAN**

Penolong Ketua Pengarah
(Perancangan dan
Pembangunan
Perniagaan)

05 | PRESTASI HARTA INTELEK


Permohonan Harta Intelek

MyIPO telah menerima 52,998 permohonan harta intelek pada tahun 2018. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,810 permohonan (5.6%) berbanding 50,188 permohonan harta intelek pada 2017.

Pendaftaran Harta Intelek


Sijil pendaftaran yang dikeluarkan pada 2018 adalah sebanyak 40,428 dengan peningkatan sebanyak 692 pendaftaran (1.7%) berbanding 39,736 pada tahun sebelumnya.

Carta 5.1: Perbandingan permohonan dan pendaftaran harta intelek, 2014 - 2018




Bagi tempoh 2014 hingga 2018, permohonan cap dagangan telah merekodkan peningkatan berterusan dengan purata permohonan tahunan sebanyak 38,870. Manakala permohonan paten pada tahun 2018 meningkat selepas dua tahun mengalami penurunan dengan purata permohonan tahunan sebanyak 7,567. Permohonan reka bentuk perindustrian pula mencatatkan peningkatan dua tahun berturut-turut dengan purata permohonan tahunan sebanyak 1,787.

Carta 5.2: Permohonan harta intelek, 2014 - 2018



Trend bagi pendaftaran cap dagangan menunjukkan peningkatan bagi tempoh 2014 hingga 2018 dengan purata tahunan sebanyak 31,365 pendaftaran. Manakala kelulusan paten mengalami penurunan pada 2018 dengan purata tahunan sebanyak 3,706. Pendaftaran reka bentuk perindustrian pula telah menunjukkan peningkatan pada 2018 dengan purata tahunan sebanyak 1,589 pendaftaran.

Carta 5.3: Pendaftaran harta intelek, 2014 - 2018




05 | PATEN DAN PERBAHARUAN UTILITI

Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Sejumlah 7,493 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difaiklan dengan peningkatan sebanyak 215 permohonan (3.0%) berbanding tahun 2017 iaitu 7,278 permohonan. Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 1,248 permohonan (16.7%) manakala 6,245 (83.3%) adalah permohonan luar negara.

Jumlah permohonan tempatan menunjukkan penurunan sebanyak 52 permohonan (-4.0%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,300 permohonan. Jumlah permohonan luar negara adalah 6,245 dengan peningkatan 267 permohonan (4.5%) berbanding tahun 2017 iaitu 5,978 permohonan.

Carta 5.4: Permohonan paten dan perbaharuan utiliti, 2014 - 2018



Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Permohonan dari negara Jepun adalah yang tertinggi iaitu 1,616 melebihi permohonan dari Amerika Syarikat dengan peningkatan 44 permohonan (2.8%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,572. Manakala permohonan dari Amerika Syarikat sebanyak 1,310 mengalami penurunan 87 permohonan (-6.2%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,397 permohonan. Malaysia berada di tangga ketiga dengan 1,248 permohonan dengan penurunan sebanyak 52 permohonan (-4.0%) berbanding 1,300 permohonan pada tahun 2017.


Jadual 5.1: Perbandingan sepuluh negara teratas permohonan paten dan perbaharuan utiliti antara 2017 dengan 2018

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Jepun	1,572	1	1,616	1
Amerika Syarikat	1,397	2	1,310	2
Malaysia	1,300	3	1,248	3
China	345	6	433	4
Jerman	403	4	396	5
Switzerland	348	5	361	6
Korea Selatan	236	8	314	7
United Kingdom	237	7	269	8
Perancis	192	9	181	9
Belanda	152	10	124	10

Permohonan Paten Antarabangsa

Sebanyak 137 permohonan paten antarabangsa melalui Triti Kerjasama Paten (*Patent Cooperation Treaty* - PCT) telah dicatatkan dengan peningkatan lapan permohonan (6.2%) berbanding 129 permohonan pada 2017.


Carta 5.5: Permohonan paten antarabangsa, 2014 - 2018



Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan

Sejumlah 51 permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan telah difaiklan dengan penurunan 15 permohonan (-22.7%) berbanding 66 permohonan pada 2017.


Carta 5.6: Permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan, 2014 - 2018



Kelulusan Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Sebanyak 4,382 paten dan perbaharuan utiliti telah diluluskan pada 2018 dengan penurunan 745 paten (-14.5%) berbanding 5,127 paten pada 2017. Daripada jumlah tersebut, 527 adalah paten tempatan dan 3,855 adalah paten dari luar negara. Kelulusan paten tempatan meningkat sebanyak 53 (11.2%) berbanding tahun 2017 iaitu 474. Manakala kelulusan paten dari luar negara menurun sebanyak 798 (-17.2%) berbanding 4,653 pada 2017.

Carta 5.7: Kelulusan permohonan paten dan perbaharuan utiliti, 2014 - 2018



Kelulusan Paten dan Perbaharuan Utiliti

■ Malaysia ■ Luar Negara

Sepuluh Negara Teratas bagi Kelulusan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Jepun merekodkan jumlah kelulusan paten terbanyak iaitu 1,135 kelulusan dengan penurunan sebanyak 39 (-3.3%) berbanding 2017. Amerika Syarikat pula mencatatkan jumlah kelulusan paten kedua terbanyak sebanyak 963 dengan penurunan 302 (-23.9%) berbanding 2017. Manakala Malaysia merupakan negara dengan jumlah kelulusan paten ketiga terbanyak iaitu 527.

Jadual 5.2: Perbandingan sepuluh negara teratas bagi kelulusan paten dan perbaharuan utiliti antara 2017 dengan 2018

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Jepun	1,174	2	1,135	1
Amerika Syarikat	1,265	1	963	2
Malaysia	474	3	527	3
Switzerland	307	5	246	4
Jerman	359	4	207	5
United Kingdom	169	7	142	6
Perancis	171	6	139	7
Korea Selatan	160	8	139	8
China	126	10	113	9
Belanda	134	9	92	10

Kelulusan Paten Berasaskan Bidang Teknologi

Sebanyak 4,382 paten telah diluluskan berdasarkan bidang teknologi mengikut pecahan yang berikut:

Bagi Seksyen Teknologi Keperluan Manusia, sejumlah 798 permohonan telah diluluskan dengan penurunan sebanyak 305 (-27.7%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,103. Sebanyak 749 paten telah diluluskan bagi Seksyen Pelaksanaan Operasi, Pengangkutan dengan penurunan sebanyak 103 (-12.1%) berbanding tahun 2017 iaitu 852.

Manakala 895 kelulusan bagi Seksyen Kimia, Logam menurun sebanyak 631 (-41.3%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,526. Sejumlah 50 kelulusan bagi Seksyen Tekstil, Kertas meningkat sebanyak enam paten (13.6%) berbanding tahun 2017 iaitu 44.

327 kelulusan bagi Seksyen Binaan Tetap meningkat sebanyak 62 (23.4%) berbanding tahun 2017 iaitu 265. Sebanyak 336 kelulusan bagi Seksyen Kejuruteraan Mekanikal, Pencahayaan, Pemanasan, Senjata, Letupan meningkat sebanyak 49 paten (17.1%) berbanding tahun 2017 iaitu 287.

Bagi Seksyen Fizik, sejumlah 541 kelulusan menunjukkan peningkatan sebanyak 81 paten (17.6%) berbanding tahun 2017 iaitu 460. Manakala 686 kelulusan bagi Seksyen Elektrik telah meningkat sebanyak 96 paten (16.3%) berbanding tahun 2017 iaitu 590.

Jadual 5.3: Kelulusan paten dan perbaharuan utiliti berdasarkan bidang teknologi, 2014 - 2018

Seksyen	2014	2015	2016	2017	2018
A : Keperluan Manusia	538	542	688	1,103	798
B : Pelaksanaan Operasi, Pengangkutan	430	494	472	852	749
C : Kimia, Logam	729	642	1,045	1,526	895
D : Tekstil, Kertas	27	25	36	44	50
E : Binaan Tetap	154	161	183	265	327
F : Kejuruteraan Mekanikal, Pencahayaan, Pemanasan Senjata, Letupan	150	198	170	287	336
G : Fizik	331	352	304	460	541
H : Elektrik	403	494	455	590	686
Jumlah	2,762	2,908	3,353	5,127	4,382


Rujukan: Klasifikasi Paten Antarabangsa (*International Patent Classification*)

Seksyen A sehingga H adalah klasifikasi di bawah *International Patent Classification*

Pembaharuan Paten

Sebanyak 18,943 paten telah diperbaharui dengan peningkatan 1,350 pembaharuan (7.7%) berbanding tahun 2017 iaitu 17,593.

Carta 5.8: Pembaharuan paten, 2014 - 2018




05 | CAP DAGANGAN

Permohonan Cap Dagangan

Sejumlah 43,656 permohonan cap dagangan telah difaikkan dengan peningkatan sebanyak 2,563 (6.2%) berbanding tahun 2017 sebanyak 41,093. Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 19,863 permohonan (45.5%), manakala permohonan luar negara adalah sebanyak 23,793 (54.5%).

Jumlah permohonan tempatan mengalami peningkatan sebanyak 382 permohonan (2.0%) berbanding tahun 2017 iaitu 19,481 permohonan. Manakala permohonan luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 2,181 (10.1%) berbanding tahun 2017 iaitu 21,612 permohonan.

Carta 5.9: Permohonan cap dagangan, 2014 - 2018



Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan

Malaysia mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu 19,863 dengan peningkatan 382 permohonan (2.0%) berbanding tahun 2017 dengan 19,481 permohonan. Permohonan daripada Amerika Syarikat adalah yang kedua tertinggi dengan 3,839 permohonan, peningkatan sebanyak 255 permohonan (7.1%) berbanding tahun 2017 sebanyak 3,584.


Jadual 5.4: Perbandingan sepuluh negara teratas bagi permohonan cap dagangan antara 2017 dengan 2018

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Malaysia	19,481	1	19,863	1
Amerika Syarikat	3,584	2	3,839	2
China	2,791	4	3,823	3
Jepun	2,839	3	2,728	4
Singapura	1,542	5	1,702	5
Jerman	1,110	6	1,265	6
Korea Selatan	896	8	1,177	7
Perancis	823	9	1,090	8
United Kingdom	1,060	7	996	9
Hong Kong	690	10	830	10

Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan

Permohonan pemeriksaan cap dagangan dipercepatkan yang diterima adalah sebanyak 214 permohonan dengan peningkatan sebanyak 33 permohonan (18.2%) berbanding 181 permohonan pada 2017.

Carta 5.10: Permohonan pemeriksaan cap dagangan dipercepatkan, 2014 - 2018



Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan

Permohonan Cap Dagangan yang Tertinggi Mengikut Kelas

Permohonan cap dagangan bagi kelas 35 mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu 4,525 dengan peningkatan 336 permohonan (8.0%) berbanding tahun 2017 iaitu 4,189 permohonan. Permohonan bagi kelas 9 adalah yang kedua tertinggi dengan 3,895 permohonan, peningkatan sebanyak 655 permohonan (20.2%) berbanding tahun 2017 sebanyak 3,240.

Jadual 5.5: Perbandingan permohonan cap dagangan yang tertinggi mengikut kelas antara 2017 dengan 2018

Kelas	Perincian	2017		2018	
		Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
35	Pengiklanan; pengurusan perniagaan; pentadbiran perniagaan; fungsi-fungsi pejabat	4,189	1	4,525	1
9	Saintifik, nautika, peninjauan, fotografik, sinematografi, dan lain-lain	3,240	2	3,895	2
3	Kelengkapan kosmetik, mandian dan pergigian bukan ubatan; wangian; minyak pati; kelengkapan bahan peluntur dan bahan kegunaan cucian/dobi, dan lain-lain	2,755	3	2,866	3
30	Bahan makanan berdasarkan tumbuh-tumbuhan seperti kopi, teh, koko, gula, beras, ubi kayu, dan lain-lain	2,316	5	2,488	4
5	Persediaan untuk farmaseutikal dan veterinar; persediaan untuk kebersihan bagi tujuan perubatan; dan lain-lain	2,367	4	2,384	5
41	Pendidikan; penyediaan latihan; hiburan; aktiviti kebudayaan dan kesukaran	2,139	6	2,282	6
43	Perkhidmatan untuk menyediakan makanan dan minuman; penginapan sementara	1,845	8	1,997	7
25	Pakaian, kasut, pelindung kepala	1,907	7	1,983	8
42	Perkhidmatan saintifik dan teknologi dan penyelidikan serta reka bentuk berkaitan dan bersesuaian dengannya; dan lain-lain	1,490	10	1,843	9
16	Kertas, kadbod dan barangan dibuat daripada bahan-bahan tersebut; bahan cetak; dan lain-lain	1,603	9	1,540	10

Rujukan: Klasifikasi NICE (*Trade mark*)

Klasifikasi NICE adalah terdiri daripada 45 kelas barang dan perkhidmatan mengikut piawaian NICE *Agreement*


Pendaftaran Cap Dagangan

Sebanyak 34,566 cap dagangan telah didaftarkan dengan peningkatan sebanyak 1,341 pendaftaran (4.0%) berbanding 2017 iaitu 33,225 pendaftaran.

Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 13,804 (39.9%) adalah pendaftaran cap dagangan tempatan dan sebanyak 20,762 (60.1%) adalah pendaftaran cap dagangan luar negara.

Pendaftaran cap dagangan tempatan menunjukkan peningkatan sebanyak 827 pendaftaran (6.4%) berbanding tahun 2017 iaitu 12,977 pendaftaran. Manakala pendaftaran cap dagangan luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 514 (2.5%) berbanding tahun 2017 iaitu 20,248 pendaftaran.

Carta 5.11: Pendaftaran cap dagangan, 2014 - 2018



Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Cap Dagangan

Malaysia mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi iaitu 13,804 dengan peningkatan 827 pendaftaran (6.4%) berbanding tahun 2017 sebanyak 12,977. Amerika Syarikat mencatatkan jumlah pendaftaran kedua tertinggi dengan 3,686 pendaftaran dengan penurunan sebanyak 209 pendaftaran (-5.4%) berbanding 2017 iaitu 3,895 pendaftaran.


Jadual 5.6: Perbandingan sepuluh negara teratas bagi pendaftaran cap dagangan antara 2017 dengan 2018

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Malaysia	12,977	1	13,804	1
Amerika Syarikat	3,895	2	3,686	2
Jepun	2,521	3	2,754	3
China	1,730	4	2,566	4
Singapura	1,291	5	1,432	5
Jerman	1,268	6	1,116	6
Korea Selatan	941	10	917	7
United Kingdom	1,032	7	913	8
Perancis	952	9	843	9
Switzerland	958	8	817	10

Pembaharuan Cap Dagangan

Sebanyak 17,762 cap dagangan telah diperbaharui dengan peningkatan sebanyak 3,598 pembaharuan (25.4%) berbanding pada 2017 iaitu 14,164.

Carta 5.12: Pembaharuan cap dagangan, 2014 - 2018




Pembaharuan Cap Dagangan

05 | REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Permohonan Reka Bentuk Perindustrian

Sejumlah 1,845 permohonan reka bentuk perindustrian telah diterima dengan peningkatan sebanyak 31 (1.7%) berbanding 2017 iaitu 1,814. Permohonan tempatan merekodkan 528 permohonan (28.6%) manakala permohonan luar negara adalah 1,317 permohonan (71.4%) daripada jumlah keseluruhan.

Permohonan luar negara telah meningkat sebanyak 20 (1.5%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,297 manakala permohonan tempatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 11 (2.1%) berbanding tahun 2017 iaitu 517.



Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian

Malaysia mencatatkan jumlah permohonan tertinggi sebanyak 528 dengan peningkatan 11 permohonan (2.1%) berbanding 2017 iaitu 517 permohonan. Permohonan dari Jepun adalah yang kedua tertinggi dengan 311 permohonan diikuti negara Amerika Syarikat dengan 218 permohonan.

Jadual 5.8: Perbandingan sepuluh negara teratas bagi permohonan reka bentuk perindustrian antara 2017 dengan 2018

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Malaysia	517	1	528	1
Jepun	312	2	311	2
Amerika Syarikat	208	3	218	3
China	54	8	147	4
Perancis	54	9	100	5
Switzerland	73	5	93	6
Australia	36	12	69	7
Jerman	49	10	59	8
Korea Selatan	61	7	42	9
Belanda	65	6	39	10

Permohonan Reka Bentuk Perindustrian yang Tertinggi Mengikut Kelas

Permohonan reka bentuk perindustrian bagi kelas 12 mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu 228 dengan peningkatan empat permohonan (1.8%) berbanding 2017. Permohonan bagi kelas 9 adalah yang kedua tertinggi dengan 192 permohonan, penurunan sebanyak 15 permohonan (-7.2%) berbanding tahun 2017.

Jadual 5.9 : Perbandingan permohonan reka bentuk perindustrian yang tertinggi mengikut kelas antara 2017 dengan 2018

Kelas	Perincian	2017		2018	
		Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
12	Peralatan untuk mengangkat atau menaik	224	1	228	1
9	Bungkus dan bekas untuk pengangkutan atau pengendalian barang	207	2	192	2
14	Perakam, peralatan komunikasi atau dapatkan semula maklumat	111	5	135	3
23	Peralatan bagi pengedaran cecair, kebersihan, pemanasan; dan lain-lain	144	3	132	4


Kelas	Perincian	2017		2018	
		Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
6	Perabot	104	6	125	5
2	Barangan keperluan pakaian	80	8	87	6
15	Mesin, tidak dinyatakan di kelas lain	51	14	85	7
25	Bangunan dan elemen binaan	49	16	85	8
10	Jam dan peralatan mengukur, memeriksa dan memberi isyarat	55	13	81	9
28	Barangan farmaseutikal dan kosmetik, barang atau peralatan mandian	104	7	78	10

Rujukan: Klasifikasi Locarno

Klasifikasi Locarno adalah klasifikasi antarabangsa untuk permohonan reka bentuk perindustrian yang terdiri daripada 32 kelas

Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

Sebanyak 1,475 reka bentuk perindustrian telah didaftarkan dengan peningkatan 96 pendaftaran (7.0%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,379 pendaftaran. Daripada jumlah tersebut, 405 (27.5%) adalah pendaftaran tempatan manakala 1,070 (72.5%) adalah pendaftaran luar negara. Pendaftaran tempatan mencatatkan penurunan sebanyak 94 (-18.8%) berbanding tahun 2017 iaitu 499. Pendaftaran luar negara mengalami peningkatan sebanyak 190 (21.6%) berbanding tahun 2017 iaitu 880.



Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

Malaysia mencatatkan pendaftaran tertinggi sebanyak 405 dengan penurunan sebanyak 94 pendaftaran (-18.8%) berbanding 2017 iaitu 499. Bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian luar negara, Jepun mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi sebanyak 275 pendaftaran dengan penurunan sebanyak 39 pendaftaran (-12.4%) berbanding tahun 2017 iaitu 314 pendaftaran.


Jadual 5.10: **Perbandingan sepuluh negara teratas bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian antara 2017 dengan 2018**

Negara	2017		2018	
	Jumlah	Kedudukan	Jumlah	Kedudukan
Malaysia	499	1	405	1
Jepun	314	2	275	2
Amerika Syarikat	112	3	145	3
Switzerland	62	4	107	4
United Kingdom	42	7	107	5
Jerman	53	5	85	6
Korea Selatan	48	6	57	7
China	38	8	48	8
Belanda	34	9	42	9
Perancis	19	13	28	10

Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian

Sebanyak 2,159 reka bentuk perindustrian telah diperbaharui dengan peningkatan 170 pembaharuan (8.5%) berbanding tahun 2017 iaitu 1,989.

Carta 5.15: **Pembaharuan reka bentuk perindustrian, 2014 - 2018**





Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian

05 | PETUNJUK GEOGRAFI

Permohonan dan Pendaftaran Petunjuk Geografi

MyIPO telah menerima empat permohonan petunjuk geografi berbanding tiga permohonan pada 2017. Permohonan tersebut merupakan permohonan daripada pemohon tempatan. Lima petunjuk geografi tempatan telah didaftarkan pada tahun 2018. Petunjuk geografi tersebut adalah Penjaram Kota Belud, Arbil Kuala Penyu, Kolupis Sabah, Piyutu Sandakan dan Madu Kelulut Lundu.

Carta 5.16: Permohonan dan pendaftaran petunjuk geografi, 2014 - 2018



05 | HAK CIPTA

Statistik Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta

Sejumlah 7,078 permohonan hak cipta melalui Pemberitahuan Sukarela telah diterima dengan peningkatan sebanyak 1,171 (19.8%) berbanding tahun 2017 sebanyak 5,907 permohonan. Karya sastera merupakan penyumbang utama kepada peningkatan permohonan hak cipta dengan 5,466 permohonan.

Jadual 5.11: Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta antara 2017 dengan 2018

Jenis Karya	Jumlah	
	2017	2018
Sastera	4,741	5,466
Seni	741	1,052
Filem	194	234
Rakaman Bunyi	101	118
Terbitan	76	118
Muzik	54	90
Jumlah	5,907	7,078

Bagi Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta pula, sebanyak 1,138 sijil telah dikeluarkan dengan penurunan 108 (-8.7%) berbanding 1,246 sijil pada 2017. Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta dikeluarkan berdasarkan permintaan pemunya hak cipta.

05 | PRESTASI CAWANGAN MyIPO

Prestasi Permohonan Harta Intelek yang Diterima oleh Pejabat Cawangan MyIPO

Peranan utama pejabat cawangan adalah menerima permohonan dan mengadakan program kesedaran harta intelek di peringkat negeri. Selain itu, pejabat cawangan berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan memastikan maklumat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat.

Prestasi permohonan harta intelek yang diterima oleh Pejabat Cawangan MyIPO adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 5.12: Perbandingan statistik penerimaan pemfailan permohonan harta intelek oleh pejabat cawangan MyIPO antara 2017 dengan 2018

Cawangan	Tahun	Zon Selatan	Zon Utara	Zon Timur	Sabah	Sarawak	Zon Tengah
Cap Dagangan	2018	1,848	2,173	513	527	517	606
	2017	1,941	2,006	383	482	391	599
Paten	2018	94	181	61	27	36	36
	2017	108	195	67	28	42	32
Reka Bentuk Perindustrian	2018	46	98	18	2	6	14
	2017	52	78	20	5	5	6
Petunjuk Geografi	2018	0	2	1	0	1	0
	2017	0	0	0	2	0	0
Hak Cipta	2018	735	1,028	417	78	466	422
	2017	664	534	209	72	228	283
Jumlah	2018	2,723	3,482	1,010	634	1,026	1,078
	2017	2,765	2,813	679	589	666	920

06

PENGURUSAN MAKLUMAT DAN PENTADBIRAN

Untuk mencapai visi menjadi sebuah organisasi harta intelek yang terbaik, MyIPO komited dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran dari semasa ke semasa. Selaras dengan visi tersebut, MyIPO telah mengambil beberapa inisiatif seperti meningkatkan infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan menyediakan garis panduan keselamatan serta disiplin warga kerja.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSICT) telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Perunding ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi menyediakan kerangka pembangunan ICT yang mapan dalam menjajarkan penggunaan teknologi dengan hala tuju sektor awam. Pembangunan P SICT melibatkan tiga fasa iaitu fasa analisis persekitaran bisnes dan ICT, fasa pembangunan hala tuju strategik ICT dan fasa pembangunan pelan pelaksanaan. Empat teras strategik ICT adalah:

- pemantapan kecekapan dan kebolehupayaan aplikasi;
- pemerkasaan keupayaan ICT secara holistik;
- pemantapan infrastruktur dan keselamatan ICT sejajar dengan teknologi terkini; dan
- pengukuhan tadbir urus ICT.

Melalui pelan ini, MyIPO akan mengupayakan pelaksanaan yang berkesan dalam mendokong usaha transformasi sistem penyampaian perkhidmatan.

Berpandukan kepada teras strategik ICT yang dibentuk, sebanyak 11 strategi dan 30 program telah dikenal pasti seperti membangunkan pusat pemulihan bencana, pusat data hijau dan mengadakan sesi latihan. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu semasa seterusnya memacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian MyIPO.

Pelan strategik ini yang mengandungi perancangan ICT MyIPO bagi mengenal pasti inisiatif ICT yang perlu dilaksanakan bermula tahun 2018 hingga 2020. Pelan ini juga akan memastikan pelaksanaan ICT yang terancang dan mendapat pulangan nilai daripada eksplotasi teknologi.

Sistem Pengurusan Harta Intelek

Sistem Pengurusan Harta Intelek (SPHI) ini adalah sistem integrasi bagi mengendalikan dan menguruskan maklumat berkaitan pendaftaran harta intelek merangkumi keseluruhan prosedur pendaftaran. SPHI juga memudahkan orang awam membuat carian dan pemfailan harta intelek secara atas talian.

Pelaksanaan projek ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama telah siap dilaksanakan pada Disember yang melibatkan komponen Cap Dagangan dan Paten. Fasa kedua melibatkan komponen Reka Bentuk Perindustrian dan Hak Cipta yang akan dibangunkan pada 2019. Manakala fasa ketiga melibatkan pewujudan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) dan dijangka bermula pada 2020.

Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan MyIPO

MyIPO Standard Accounting System (MySAS) merupakan satu sistem kewangan yang berintegrasi dengan sistem sokongan yang berkaitan dengan transaksi kewangan seperti SPHI. Modul-modul sistem aplikasi dalam MySAS adalah mengikut keperluan dan penetapan berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015 serta beberapa modul tambahan yang telah dibangunkan bagi melancarkan proses kewangan.

Pada 29 November 2018, MyIPO merupakan antara 13 agensi kerajaan yang menerima Anugerah Sijil Pematuhan SAGA dari Jabatan Akauntan Negara bagi sistem MySAS.

Pembangunan e-vendor

Bagi menambah baik tadbir urus perolehan, sistem *e-vendor* telah dibangunkan dan diintegrasikan bersama sistem MySAS untuk merekod dan mengemas kini maklumat pembekal. Sistem ini diwujudkan sebagai pangkalan data pembekal bagi memudahkan proses capaian mengikut kod bidang seterusnya memastikan proses perolehan lebih efektif dan telus.

Pelaksanaan Kawalan Keselamatan Pejabat

Manual Kawalan Keselamatan Pejabat yang diperakukan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah dilaksanakan sebagai panduan kepada warga kerja MyIPO terhadap keselamatan pejabat daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak berkenaan. Dengan kerjasama CGSO, manual ini telah diinisiasi bagi mengekalkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, ICT dan personel (atau peribadi) di MyIPO.

Kursus Keselamatan Dokumen Terperingkat telah diadakan bagi memastikan keselamatan dan tahap kerahsiaan dokumen terperingkat terpelihara dari sebarang penyalahgunaan. Susulan daripada inisiatif tersebut, satu jawatankuasa pelaksana telah dilantik untuk pelaksanaan serta penyelarasan dokumen-dokumen terperingkat.

MyIPO turut melatih Warden dan Penolong Warden menerusi program *Team Building* bagi memupuk semangat berpasukan dan meningkatkan keyakinan diri serta daya kepimpinan. Selain itu, peserta turut diberikan pendedahan berkenaan latihan tindakbalas kecemasan khususnya *first aid*, *cardiopulmonary resuscitation* (CPR) dan peralatan *automated external defibrillator* (AED). Hasil daripada kursus ini, peserta telah dilatih untuk sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang keadaan kecemasan.

Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib MyIPO

Penerbitan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib MyIPO berdasarkan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) adalah bertujuan membantu Ketua-ketua Bahagian dalam mengurus kes-kes pelanggaran tatatertib oleh warga kerja.

Dengan adanya buku panduan ini, pengurusan tindakan terhadap tatakelakuan warga kerja di semua peringkat dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, lengkap dan teratur. Langkah ini juga sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tatatertib yang berkaitan dengan pegawai.



Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MyIPO telah menyertai Konvensyen KIK 2018 peringkat KPDNHEP dan telah diumumkan sebagai Naib Johan konvensyen ini. KIK MyIPO telah memenangi hadiah wang tunai, plak penghargaan serta sijil penyertaan. Kumpulan tersebut telah mempertandingkan projek EyeRIS yang merupakan satu sistem carian ringkas berkenaan maklumat pemilik cap dagangan berdaftar dan pemilik hak cipta (pemberitahuan sukarela) yang telah difailkan di MyIPO. Projek EyeRIS ini dapat memberi akses kepada Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP untuk membuat carian maklumat ringkas melalui capaian internet.



Ikrar Bebas Rasuah

MyIPO telah mengadakan Majlis IBR dengan kerjasama SPRM pada 11 Januari 2018. Ikrar tersebut telah ditandatangani oleh semua Ketua Bahagian dan Pengarah Cawangan MyIPO disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), SPRM.

Majlis ini diadakan sebagai lafadz ikrar warga kerja MyIPO dalam usaha membanteras dan memerangi rasuah dan salah guna kuasa bersama SPRM. IBR ini turut memberi penekanan kepada pihak pengurusan untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauahkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang tempoh perkhidmatan. Pelaksanaan majlis ini merupakan inisiatif organisasi dalam mengambil langkah-langkah proaktif untuk mencegah jenayah rasuah.



07 | PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Menerusi aktiviti dan program pembangunan modal insan yang dilaksanakan sepanjang tahun, MyIPO fokus dalam memastikan pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi membentuk warga kerja beretika tinggi dan progresif.

IP Handbook Copyright

Penerbitan *IP Handbook Copyright* adalah bertujuan membantu memahami konsep perundangan hak cipta dan dijadikan sumber rujukan dalam membantu menyelesaikan isu-isu hak cipta.

Selain itu, bahan bacaan ini mengandungi kes-kes mahkamah yang telah memberi penerangan dan interpretasi terkini berkenaan perundangan harta intelek untuk rujukan.

Buku panduan ini telah diedarkan kepada warga kerja MyIPO, Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Peguam Negara dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.



Program Teambuilding bagi Kumpulan Eksekutif dan Pelaksana

MyIPO telah menganjurkan dua program *teambuilding* dengan penyertaan sebanyak 30 orang dari Kumpulan Eksekutif dan 30 orang dari Kumpulan Pelaksana. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah dan kecerdasan emosi warga kerja seperti kemahiran komunikasi, berfikiran positif serta memupuk disiplin diri. Selain itu, para peserta diberi pendedahan berkenaan ciri-ciri kepimpinan berkualiti serta kepentingan kerja berpasukan ke arah kecemerlangan diri dan organisasi. Bagi program *Succession Planning* untuk Kumpulan Eksekutif, program ini membincangkan elemen perancangan penggantian dalam konteks peranan, tanggungjawab, fungsi dan skop bagi tujuan menyerlahkan daya kepimpinan pegawai pelapis di MyIPO.

Second ASEAN-Republic of Korea Biofuel and Intellectual Property Policy Consultation Seminar

Seminar 2nd ASEAN-ROK *Biofuel and IP Policy Consultation* telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 27 Februari hingga 1 Mac 2018. Seminar ini telah disertai oleh sembilan negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura, Kemboja, Laos, Viet Nam dan Myanmar. Malaysia telah diwakili oleh tiga peserta daripada MyIPO, SIRIM Bhd dan Kementerian Perusahaan Perludungan dan Komoditi.

Antara objektif seminar ini adalah sebagai platform kepada peserta bagi mempelajari bidang pengkomersialan, pemindahan teknologi dan pelesenan teknologi *biofuel*. Selain itu, seminar ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap polisi dan strategi pengurusan harta intelek serta mempelajari berkenaan model perniagaan untuk mengkomersialkan teknologi *biofuel*. Peserta juga dapat berkongsi pandangan berkenaan perkembangan terkini teknologi *biofuel* di negara masing-masing.

JPO/IPR Training Course on Substantive Examination of Design

Program JPO/IPR Training Course on Substantive Examination of Design telah dianjurkan oleh *Asia-Pacific Industrial Property Center, Japan Institution of Promoting Invention and Innovation* (APIC-JIPII) dan *Tokyo Kenshu Centre, The Overseas Human Resources and Industry Development Association* (AOTS) di Jepun dengan kehadiran seramai 25 orang peserta dari negara-negara Asia, Amerika Selatan dan Afrika. Program ini bertujuan meningkatkan kualiti kemahiran dari sudut teknikal pemeriksaan ke atas permohonan reka bentuk perindustrian. Antaranya adalah perbezaan kelas barang dalam Klasifikasi Locarno dan Jepun, perlindungan reka bentuk *Graphical User Interfaces* (GUI) dan perlindungan *Secret Design* yang diamalkan di Jepun khususnya industri automatif.

Bengkel Advanced EPOQUE Net Training: The Art of Efficient Searching

EPOQUE Net adalah sebuah sistem carian yang dibangunkan oleh *European Patent Office* (EPO) untuk kegunaan carian pemeriksaan paten. Sistem ini diguna secara holistik di pejabat paten seluruh dunia serta mengandungi pangkalan data yang komprehensif. Bagi memastikan pemahaman dan meningkatkan kompetensi pegawai, Bengkel Advanced EPOQUE Net Training: The Art of Efficient Searching telah diadakan untuk memberi pendedahan lanjutan kepada pegawai berhubung kaedah carian yang berkesan menggunakan *EPOQUE Net* termasuk ciri-ciri serta strategi baharu untuk membuat carian paten.

Intellectual Property Protection for Designs: An International Perspective

Program *Intellectual Property Protection for Designs: An International Perspective* merupakan anjuran bersama *United States Patent and Trademark Office* (USPTO) dan *Global Intellectual Property Academy* (GIPA) bagi meningkatkan pengetahuan mengenai perlindungan reka bentuk dan mempelajari prosedur dan praktis di USPTO. Seramai 44 orang peserta daripada 27 negara telah menyertai program ini iaitu dari negara Amerika Selatan, Eropah dan Asia.

Melalui program ini, peserta dapat menambah pengetahuan selaras dengan perkembangan teknologi baharu dari segi kemahiran teknikal serta prosedur carian yang diamalkan oleh USPTO dan negara lain. Peserta turut diberi maklumat dan pendedahan berkenaan amalan luar negara seperti reka bentuk perindustrian di Amerika Syarikat yang dinamakan sebagai reka bentuk paten (*design patent*) yang berbeza dari paten utiliti (*utility innovation*) yang memberi fokus kepada fungsi produk. Selain itu, peserta dapat mempelajari pelindungan dan pemeriksaan reka bentuk elektronik dan teknologi berkaitan seperti perlindungan reka bentuk pada paparan skrin, ikon, GUI, reka bentuk 3-dimensi, percetakan, tekstil dan fesyen.

IP Key SEA Activity: Train-the-Trainers Programme

Program ini telah dianjurkan oleh EPO di Kemboja yang merupakan perjumpaan lanjutan antara jaringan negara-negara ASEAN dalam mewujudkan modul serta bahan latihan pemeriksaan paten yang boleh diguna pakai untuk melatih pegawai pemeriksa paten baharu di negara ASEAN. Para peserta dari setiap negara telah membentangkan status dan amalan pemeriksaan yang diperaktikkan hasil daripada program latihan ini. Sesi perbincangan memberi fokus kepada mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi untuk menghasilkan laporan pemeriksaan paten yang lebih berkualiti dan seterusnya mengharmonikan amalan pemeriksaan paten di rantau ASEAN.

Training Seminar on Patent System and Examination Practices for Belt and Road Initiatives (BRI) Countries

Kursus ini telah dianjurkan oleh *The China National Intellectual Property Administration* (CNIPA) di China. Kursus ini memberi tumpuan kepada bidang harta intelek terutamanya paten dan dihadiri oleh 25 orang wakil daripada negara-negara Asia dan Eropah. Peserta juga mendapat pendedahan dan maklumat terkini mengenai amalan di CNIPA dalam pengurusan pemeriksaan paten seperti pengendalian komunikasi dua hala antara ejen paten dan pemeriksa bagi memastikan keberkesanan sistem pemeriksaan paten. Perjumpaan berkala antara kedua-dua pihak akan membantu pihak ejen untuk memahami beban kerja pemeriksa seterusnya melancarkan proses kerja pemeriksa.

2018 Annual KIPO-WIPO-KAIST-KIPA Advanced International Certificate Course on IP Asset Management for Business Success based on the IP PANORAMA Multimedia Toolkit and the DL-450 IP Management Course

Kursus anjuran *Korean Intellectual Property Office* (KIPO), WIPO, *Korea Advanced Institute of Science and Technology* (KAIST) dan *Korea Invention Promotion Association* (KIPA) ini telah diadakan di Seoul, Korea Selatan dengan penyertaan seramai 47 orang peserta daripada 26 buah negara. Para peserta telah didedahkan dengan amalan baik berdasarkan pengalaman penceramah-penceramah yang mengendalikan situasi sebenar dalam proses pengurusan harta intelek secara menyeluruh.

Hasil daripada kursus ini, peserta telah diberi pendedahan secara praktikal mengenai jenis-jenis harta intelek yang perlu diberikan keutamaan untuk kepentingan sesebuah organisasi dan cara-cara mengendalikan rundingan yang melibatkan harta intelek. Ini adalah penting kepada peserta dalam memberi khidmat nasihat kepada orang awam yang terlibat dalam industri perniagaan.

WIPO-India Training Course on Patent Search and Examination for Asian Countries

Latihan anjuran WIPO dengan kerjasama *Rajiv Gandhi National Institute of Intellectual Property Management* (RGNIIPM) dan *Office of the Controller General of Patents, Designs and Trademarks*, India telah diadakan di Nagpur, India.

Latihan ini memberi manfaat kepada para peserta untuk memahami dengan lebih jelas mengenai sistem, prosedur dan amalan yang dilaksanakan oleh RGNIIPM yang turut berfungsi sebagai *International Searching Authority* (ISA) dan *International Preliminary Examining Authority* (IPEA). Melalui latihan ini juga, para peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal ketika melakukan pemeriksaan paten serta mempelajari teknik baru ketika melakukan proses carian *prior art* khususnya dalam bidang elektronik dan komunikasi.

International Development Workshop on Intellectual Property Rights

Kementerian Luar Negeri Singapura dengan kerjasama *Department of Foreign Affairs and Trade*, Australia telah menganjurkan bengkel mengenai sistem perundangan dan pengurusan harta intelek yang diamalkan di Pejabat IP Australia dan Singapura. Objektif bengkel adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam carian harta intelek dan sistem pemfailan termasuk pendedahan mengenai ASEAN *IP Landscape* dan impak *Free Trade Agreement* terhadap perundangan harta intelek sesebuah negara.

JPO/IPR Training Course on Establishing Patent Examination Guidelines for ASEAN (IPPS)

Kursus dan mesyuarat anjuran WIPO telah diadakan dengan kerjasama *Asia-Pacific Industrial Property Center, Japan Institute for Promoting Invention and Innovation* (APIC-JIPII). Kursus dan mesyuarat ini bertujuan memberikan peluang kepada peserta yang terdiri daripada wakil negara anggota ASEAN untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkenaan panduan pemeriksaan paten. Perkongsian maklumat berdasarkan kepada perbandingan kajian kes dalam mesyuarat ini dapat meningkatkan usaha ke arah menghasilkan pemeriksaan paten yang berkualiti.

Bengkel Pemeriksaan Substantif Paten dalam Bidang Mekanikal Bersama Pakar dari Japan Patent Office (JPO)

Program ini adalah untuk memberi pendedahan lanjut kepada para peserta dalam menjalankan pemeriksaan paten serta menyediakan laporan pemeriksaan substantif paten terutamanya berkaitan bidang mekanikal. Seramai 22 orang Pegawai Pemeriksa Paten telah mengikuti bengkel ini dan berpeluang membincangkan mengenai peraturan am, prosedur pemeriksaan ke atas permohonan paten dan menganalisa sampel kes-kes sebenar yang melibatkan bidang mekanikal.

Sesi perbincangan ini amat bermanfaat bagi meningkatkan kemahiran para peserta dalam menjalankan pemeriksaan paten serta menyediakan laporan pemeriksaan substantif paten.

The JPO/IPR Training Course on Patent Examination Management

Kursus ini telah dianjurkan oleh JPO di Jepun yang dihadiri oleh 20 orang wakil daripada negara-negara Asia, Amerika Tengah dan Eropah. Kursus ini bertujuan untuk berkongsi maklumat terkini mengenai isu-isu berkaitan amalan dan prosedur pemeriksaan serta pengurusan kualiti pemeriksaan paten sejajar dengan perkembangan semasa antarabangsa.

Melalui kursus ini, peserta dapat memahami dengan jelas persamaan dan perbezaan sistem pemeriksaan yang diamalkan oleh negara-negara peserta. Latihan ini khusus untuk pegawai pemeriksa bagi memperkasa pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam carian dan pemeriksaan paten yang berkualiti.

Kursus Regional Patent Examination Training (RPET) dan Mentoring (RPET Mentoring) 2016-2018

Kursus ini dianjurkan oleh *IP Australia* dengan kerjasama ASEAN dan *World Intellectual Property Organization (WIPO)* berdasarkan piawaian PCT. Program ini adalah sebuah program *Competency Base Training (CBT)* yang diadakan sepenuhnya secara atas talian.

Berikutnya program ini, *Regional Patent Examination Training Mentoring* telah dianjurkan untuk melahirkan pegawai pemeriksa paten yang terlatih untuk melatih pegawai pemeriksa paten yang lain di negara terpilih seperti Malaysia dan Filipina. Melalui program ini, seorang mentor dari Pejabat *IP Australia* ditugaskan kepada setiap negara yang terlibat untuk memberi pendekatan khusus dalam pembangunan latihan yang komprehensif.

Program ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan ilmu pengetahuan pegawai pemeriksa paten dalam melakukan kerja harian di samping menyelaraskan amalan domestik selaras dengan piawaian antarabangsa. Melalui program ini, amalan kerja pegawai pemeriksa paten dapat ditingkatkan melalui sesi perkongsian dan perbincangan dari semasa ke semasa.

Kursus Prosedur dan Etika Sebagai Saksi di Mahkamah

MyIPO dengan kerjasama Institut Latihan dan Kehakiman (ILKAP) telah menganjurkan Kursus Prosedur dan Etika Sebagai Saksi di Mahkamah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai prosiding perbicaraan, tatacara dan etika serta keterampilan sebagai saksi. Dengan penyertaan seramai 32 warga kerja, penceramah menekankan aspek teori dan praktikal serta kaedah memberi keterangan di Mahkamah.



AKTIVITI KELAB

Aktiviti Rekreasi, Sosial dan Kebajikan

Kesejahteraan sosial merupakan matlamat dan elemen teras kepada pembangunan sesebuah organisasi. Kewujudan elemen kesejahteraan akan menyediakan warga kerja dengan keadaan persekitaran yang selesa dan kondusif. Dengan itu, warga kerja diberi peluang untuk membangun potensi diri dan terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan melalui Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO.

• Aktiviti Rekreasi

Dalam menggalakkan gaya hidup yang aktif dan sihat serta memupuk rasa muhibah, MyIPO telah menganjurkan dan menyertai pelbagai pertandingan dan kejohanan sukan sepanjang tahun.

Pertandingan Sukan Elektronik (E-Games)

Sukan elektronik atau e-sukan kini menjadi fenomena di Malaysia. Seiring dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi, satu pertandingan sukan elektronik telah diadakan buat julung kali di ibu pejabat MyIPO pada 11 Ogos 2018. Antara sukan elektronik yang dipertandingkan adalah sukan boling, tenis dan bola sepak. Dengan penganjuran pertandingan sebegini memupuk semangat kekitaan dalam mengekalkan perpaduan di sesebuah organisasi. Melalui *e-games* ini juga, semangat kesukuan dapat diterapkan di kalangan warga kerja.

Pertandingan Futsal

Sebanyak dua pasukan futsal MyIPO telah menyertai kejohanan yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) pada 14 dan 15 Julai 2018 di Kuala Lumpur. Kejohanan ini dibuka kepada pelbagai Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, pasukan futsal MyIPO turut menyertai Kejohanan futsal anjuran Kelab Rekreasi dan Kreatif Audit Selangor (KREATIF) pada 21 April 2018 di Selangor.



• Aktiviti Sosial

Aktiviti sosial yang diadakan boleh menjadi platform terbaik bagi mengeratkan silaturahim, kerjasama dan membudayakan sikap prihatin warga kerja. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan menerusi aktiviti sosial bagi memperkasakan warga kerja agar lebih proaktif dan mengutamakan integriti.

Majlis Tadarus Al-Quran dan Majlis Khatam Al Quran

Sepanjang bulan Ramadhan 1439H, Majlis Tadarus Al-Quran telah berlangsung dengan penglibatan seramai 45 warga kerja. Majlis tadarus tersebut telah diakhiri dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Ceramah Perdana Bersempena Maal Hijrah 1440H

Sempena sambutan Maal Hijrah, MyIPO telah mengadakan ceramah bersempena kedatangan tahun Hijrah yang baru iaitu 1440H. Ceramah ini dapat memberi ilmu pengetahuan dan motivasi kepada warga kerja MyIPO dalam menempuh kehidupan dan melaksanakan kerja harian di MyIPO.

Kelas Asas Solekan dan Keterampilan

Kelas asas solekan telah diadakan bagi menekankan kepentingan imej dan keterampilan warga kerja seterusnya dapat meningkatkan keyakinan diri. Sepanjang kelas tersebut, peserta diberikan panduan dalam memilih produk solekan serta tips dan teknik dalam mengaplikasikan solekan yang bersesuaian dengan imej MyIPO dan badan korporat.

• Aktiviti Kebajikan

Amalan kebajikan bukan sekadar memberi manfaat kepada orang yang dibantu malah turut berperanan untuk menyucikan jiwa. Pelbagai program kebajikan telah dilaksanakan oleh MyIPO dalam menjaga kebajikan warga kerja dengan memberi sumbangan seperti:

1. kemasukan ke wad;
2. khairat kematian;
3. warga kerja atau anak yang mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah;
4. saguhati anak-anak warga kerja yang cemerlang dalam pelajaran;
5. hadiah perkahwinan; dan
6. tabung derma kilat kepada warga kerja yang ditimpah musibah.

08 | PEMERKASAAN HARTA INTELEK

ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018 (AHIN 2018)

Sempena sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN), Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada pereka cipta atau pencipta atas sumbangan harta intelek mereka dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Anugerah berprestij ini merupakan pemangkin bagi menggalakkan minda kreatif serta menanamkan budaya inovasi dan reka cipta di kalangan rakyat Malaysia.

Pemilihan juri dibuat dari kalangan ahli profesional dan kaedah penjurian dibuat secara berperingkat mengikut tapisan awal dan peringkat akhir. Kaedah penjurian ini bermula dengan saringan awal bagi memilih lapan finalis terbaik bagi setiap kategori sebelum melayakkan diri ke penilaian akhir. AHIN2018 telah menghimpunkan finalis-finalis terdiri dari institusi pengajian awam, institusi penyelidikan, syarikat-syarikat swasta serta politeknik dan sekolah-sekolah di Malaysia. Pemenang anugerah menerima hadiah AHIN berupa wang tunai, piala dan sijil penghargaan dan turut mendapat pengiktirafan daripada WIPO. Pada majlis AHIN2018, Universiti Putra Malaysia telah memenangi kategori utama iaitu Kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik). AHIN berpotensi menjadi salah satu agenda dalam merancakkan daya saing penghasilan harta intelek di Malaysia. Sebanyak tujuh kategori yang dipertandingkan di majlis AHIN2018:

Kategori

- 1 Augerah Harta Intelek Negara Kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik)
- 2 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Paten
- 3 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Cap Dagangan
- 4 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Reka Bentuk Perindustrian
- 5 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Hakcipta
- 6 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Perekacipta Harta Intelek
- 7 Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Perekacipta Muda Harta Intelek



MyIPO 15

Karnival Harta Intelek Dan Sambutan Ulang Tahun Ke-15 MyIPO

Karnival Harta Intelek dan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-15 MyIPO telah diadakan pada 3 hingga 4 Mac 2018 di Petaling Jaya, Selangor. Karnival ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan pendaftaran dan perlindungan harta intelek. Aktiviti-aktiviti kesedaran menerusi karnival merupakan acara yang julung kali diadakan yang dilihat mampu mendekati kumpulan sasaran dengan lebih berkesan dan santai.



Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mengikut komponen-komponen harta intelek seperti berikut:

i. Sesi Taklimat Trademark - *Do It Yourself*

Bertujuan memberi penerangan mengenai prosedur pendaftaran cap dagangan dan kebolehdaftaran sesuatu cap dagangan berdasarkan Akta Cap Dagangan 1976. Sesi taklimat ini telah diadakan secara terbuka di pentas utama dengan kehadiran seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada para usahawan.



ii. Trademark Hijabista

Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan cap dagangan melalui sesi perkongsian kisah kejayaan oleh Pengasas Tudung Siti Murni yang telah mendaftarkan cap dagangannya sejak tahun 2016. Sesi ni diteruskan dengan pertunjukan fesyen tudung jenama Siti Murni.

iii. Ikon Hakcipta *Didi & Friends* Bertemu Rakan-Rakan

Bertujuan meningkatkan pengetahuan bahawa karakter kartun turut boleh dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987. Pemilihan ikon *Didi & Friends* adalah berdasarkan populariti di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa. Ikon ini telah membuat penampilan sebanyak empat kali sepanjang karnival tersebut.

iv. Design Fashionista

Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan cap dagangan melalui sesi perkongsian oleh Pengasas Jenama Pakaian POYA. POYA juga telah mendaftarkan jenamanya di bawah Akta Cap Dagangan 1976 sejak tahun 2008. Sesi ni diteruskan dengan pertunjukan fesyen pakaian tradisional Melayu oleh POYA.

v. Kuiz Harta Intelek

Bertujuan mengukur tahap pengetahuan orang ramai mengenai MyIPO dan harta intelek. Sebanyak tiga sesi kuiz harta intelek telah diadakan dan soalan-soalan yang diajukan adalah berkenaan MyIPO serta harta intelek secara umum.

vi. Persembahan Selebriti Hakcipta

Bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap karya-karya hak cipta. Seramai lima orang artis telah membuat persembahan yang terdiri daripada Hael Husaini, Ayda Jebat, Haqiem Rusli, Janna Nick dan Aiman Tino. Artis jemputan turut berkongsi informasi dan mesej mengenai kepentingan menghormati karya berhak cipta dan kepentingan untuk mendapatkan perlindungan hak cipta.

vii. Permainan Interaktif

Bertujuan meningkatkan pengetahuan mengenai komponen harta intelek seperti paten dan hak cipta yang terdapat di dalam permainan interaktif yang disediakan kepada para pengunjung. Permainan interaktif tersebut terdiri daripada permainan simulasi, realiti visual dan *kinect*.

Pameran

Pihak MyIPO telah menyediakan *Pavilion* yang menawarkan khidmat nasihat bagi kesemua komponen harta intelek dan carian cap dagangan secara percuma. Pengunjung turut berpeluang mengikuti kejayaan dan pencapaian MyIPO sepanjang 15 tahun pengkorporatan melalui terowong masa yang memaparkan evolusi harta intelek di Malaysia.



MyIPO15 Fun Ride

Sebagai salah satu acara meraikan ulangtahun MyIPO, MyIPO15 *Fun Ride* 2018 telah dianjurkan buat julung kalinya pada 22 April 2018 di Cyberjaya. Acara ini bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah berbasikal di samping merapatkan lagi hubungan warga kerja dengan masyarakat serta memberi pendedahan fungsi dan perkhidmatan MyIPO sebagai sebuah badan yang mentadbir urus pendaftaran harta intelek.

Seramai 1,500 peminat sukan berbasikal di Malaysia telah menyertai acara tersebut. Terdapat dua kategori laluan yang disediakan iaitu laluan 25 kilometer dan 10 kilometer di kawasan Cyberjaya sebagai lokasi pilihan.



IP Summer Camp

Dengan kerjasama KPDNHEP dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (SBPSK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), MyIPO meneruskan agenda meluaskan pengetahuan harta intelek di kalangan pelajar sekolah. Program ini telah dianjurkan di Sekolah Menengah Sains Sabah dengan penyertaan seramai 200 pelajar dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengisian program ini adalah berkonsepkan “Memiliki, Melindungi, Mengkomersialkan dan Membudayakan” dengan memberi pendedahan awal dan komprehensif mengenai ekosistem pengkomersialan harta intelek. Pelajar-pelajar turut dilatih dalam membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif untuk membangunkan sesuatu perniagaan. Melalui penganjuran *IP Summer Camp*, MyIPO komited memperluaskan usaha ke arah melahirkan usahawan muda yang celik harta intelek.



Malaysian International Young Inventors Olympiad

Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO) adalah pertandingan reka cipta dan inovasi anjuran SBPSK, KPM serta MyIPO bagi pereka cipta muda yang merangkumi pelajar SBPSK, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Harian (Menengah dan Rendah) serta Maktab Tentera DiRaja (MTD).

Program ini turut disertai oleh sekolah antarabangsa dari luar negara iaitu Kyrgyzstan, Turkmenistan, Tajikistan, Filipina, Thailand, Nigeria, Viet Nam dan Amerika Syarikat. Program ini merupakan platform kepada pelajar-pelajar sekolah untuk menghasilkan reka bentuk dan reka cipta yang inovatif seterusnya menggalakkan budaya saing di kalangan pelajar.

Sebanyak 270 projek dari sekolah dalam negara dan 150 projek dari sekolah antarabangsa telah dipertandingkan bagi program MIYIO tahun ini. MyIPO juga telah menawarkan Dana Pemfailan Harta Intelek bagi projek yang berpotensi untuk difaillkan. Selepas melalui proses saringan, 30 permohonan tempatan telah disenarai pendek dan layak dipertimbangkan untuk memohon Dana Pemfailan Harta Intelek.

Daripada jumlah tersebut, hanya empat penyertaan layak menerima dana tersebut iaitu:

Sekolah

- 1 SM Sains Kuching Utara dengan projek *Durian Fire Starter*
- 2 Sekolah Seri Puteri dengan projek *Hibiscus Pyrexia Patch*
- 3 Sekolah Dato' Abdul Razak dengan projek *Biochar Is the New Green Year 5 – “The Supercapacitor”*
- 4 SMK Sultan Badlishah dengan projek *Gev -Dried Leaves Products Teaccasia*



Dana Pemfailan Harta Intelek

Dana Pemfailan Harta Intelek adalah program inisiatif Kerajaan melalui MyIPO di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Dana ini diberikan khusus kepada golongan belia, pelajar sekolah serta kolej kemahiran dan komuniti tempatan.

Dana ini membantu pemilik harta intelek dari segi kos pemfailan serta khidmat profesional dalam bidang perundangan dan teknikal bagi pendaftaran paten. Inisiatif ini berjaya meningkatkan pendaftaran harta intelek tempatan terutama pemfailan paten dari sekolah dan kolej kemahiran.

Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada rakyat tempatan dalam meningkatkan perlindungan harta intelek kumpulan sasar. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 262 harta intelek berjaya difailkan meliputi 149 cap dagangan, 44 paten, 16 reka bentuk perindustrian, 51 hak cipta dan dua petunjuk geografi hasil kerjasama strategik dengan kementerian dan agensi yang berkaitan.

Seminar Protecting your Trademarks and Inventions Overseas: WIPO Services and Initiatives for Malaysian Businesses

Protecting Your Trademarks and Inventions Overseas: WIPO Services and Initiatives for Malaysia Businesses adalah seminar anjuran MyIPO dengan kerjasama WIPO yang disertai seramai 100 orang peserta dari pelbagai industri.

Seminar ini adalah platform bagi menerangkan kepada pemain industri di Malaysia mengenai perlindungan dan penguatkuasaan harta intelek khususnya jenama produk dan reka cipta tempatan di luar negara. Melalui seminar ini juga, peserta berpeluang bertukar pandangan mengenai isu semasa perlindungan dan pelanggaran harta intelek dalam dan luar negara.

Bengkel Asas Peningkatan Kualiti Produk

Bengkel asas peningkatan kualiti produk modul 1 dan modul 2 masing-masing telah diadakan pada 4 April 2018 dan 3 Mei 2018. Bengkel ini merupakan program yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama SIRIM Berhad. MyIPO telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai pemfailan dan pendaftaran cap dagangan kepada usahawan-usahawan yang terlibat. Hasil daripada program tersebut, SIRIM Berhad telah mengemukakan sebanyak 20 permohonan cap dagangan.

Aktiviti Promosi dan Publisiti Harta Intelek melalui Media

Aktiviti promosi dan publisiti harta intelek adalah berteraskan kepada penyebaran maklumat melalui media untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang harta intelek serta meningkatkan imej dan jenama MyIPO di kalangan masyarakat.

MyIPO mempergiatkan penyebaran maklumat berkenaan kepentingan harta intelek di media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* dengan memuat naik paparan-paparan infografik dan video bagi menarik minat masyarakat untuk memahami dan melindungi harta intelek.

Kempen Kesedaran Harta Intelek Bersama Selebriti telah dilancarkan dengan menggunakan tagline *#JanganCuri* di media sosial rasmi MyIPO. Kempen ini merupakan inisiatif bersama selebriti-selebriti yang telah mendaftarkan harta intelek di MyIPO bagi menarik minat masyarakat dalam perlindungan hak harta intelek.

Dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan perlindungan harta intelek, aktiviti promosi dan publisiti turut dipergiatkan di media massa seperti surat khabar, televisyen dan digitorial serta media sosial. Sebanyak 17 rencana khas telah diterbitkan di akhbar-akhbar dan portal berita tempatan iaitu Utusan Malaysia, Borneo Post, Kosmo, News Straits Times, Sinar Online dan Utusan Online.

Bagi mempromosi dua buah video pendek mengenai kepentingan perlindungan paten dan reka bentuk perindustrian, sebanyak lapan *host mention* telah disiarkan di Program Astro iaitu Meletop, CCTV Ria dan *HLive*.

National Seminar on the Implementation of Marrakesh Treaty in Malaysia

Seminar antarabangsa ini merupakan program kerjasama antara MyIPO, WIPO dan *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) yang telah diadakan pada 12 April 2018 bagi memberi penerangan kepada umum berkaitan *Marrakesh Treaty to Facilitate Access to Published Works for Persons Who Are Blind, Visually Impaired or Otherwise Print Disabled*. Seminar ini adalah lanjutan daripada sesi dialog bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan mengenai cadangan penyertaan Malaysia dalam triti ini.

Seminar ini telah dihadiri oleh 73 peserta yang terdiri daripada wakil KPDNHEP, KPM, Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), ahli-ahli akademik dari universiti dan wakil daripada persatuan orang buta. Selain itu, seminar ini juga dihadiri oleh 600 pelajar yang merupakan wakil IFLA.

Taklimat berkenaan Petunjuk Geografi

Taklimat berkenaan petunjuk geografi telah diadakan dengan kerjasama Koperasi Pembangunan Desa (KPD) bagi produk berpotensi di bawah seliaan KPD pada 23 Ogos 2018. Taklimat ini diadakan untuk memberi khidmat nasihat dalam prosedur pendaftaran petunjuk geografi. Selain itu, permohonan petunjuk geografi daripada KPD bagi produk *Pamelo Tenom* dan *Sabah Honey* telah difaiklan pada taklimat tersebut.

IP Easy

Program *IP Easy* adalah bertujuan meningkatkan pemfailan permohonan cap dagangan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2017, program ini telah diadakan di seluruh Malaysia khususnya kepada golongan usahawan untuk memberi pendedahan lebih mendalam mengenai kebolehdaftaran cap dagangan dan menyediakan platform mudah daftar serta khidmat nasihat mengenai harta intelek.

Antara rakan strategik MyIPO dalam melaksanakan program ini adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), *Department of Industrial Developopement and Research* (DIDR), Koperasi Pembangunan Desa, Sabah dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Sebanyak 90 permohonan cap dagangan telah difaiklan menerusi program ini.

Tha' Doodict Collisions

Program *Tha' Doodict Collisions* merupakan program anjuran bersama Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) dan pihak pengurusan kompleks *KL Gateway Mall* bagi mencungkil bakat pengkarya tempatan dalam menghasilkan karya doodle mengikut interpretasi idea tersendiri. Penghasilan *doodle* adalah bertemakan “Semangat Hari Merdeka dan Memupuk Nilai Perpaduan Bangsa” sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia. Sebanyak 13 permohonan Dana Pemfailan Harta Intelek di bawah kategori Hak Cipta telah diterima semasa penganjuran program tersebut.

Seminar Khazanah dan Harta Intelek Etnik Sabah 2018

Program ini merupakan kerjasama MyIPO dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) yang bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat di negeri Sabah untuk melindungi harta intelek. Melalui penganjuran program ini, MyIPO mensasarkan pendedahan dan pendidikan harta intelek dapat ditingkatkan di seluruh Sabah menjelang 2020. Sebanyak tiga permohonan petunjuk geografi telah diterima sepanjang program ini.

09 | KERJASAMA STRATEGIK

• Kerjasama Antarabangsa

Perhimpunan Tahunan World Intellectual Property Organisation (WIPO) ke-58

Perhimpunan Tahunan WIPO ke-58 telah diadakan di ibu pejabat WIPO di Geneva, Switzerland. Perhimpunan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil negara ahli WIPO, badan antara kerajaan, badan bukan kerajaan dan negara pemerhati.

Antara agenda perhimpunan tahunan ini adalah membincangkan perkara-perkara dasar berkaitan harta intelek, memberi mandat dan memuktamadkan isu-isu yang telah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Tetap dan Kesatuan, membincangkan laporan pencapaian tahunan WIPO dan keberhasilan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Setiap wakil negara yang hadir telah berpeluang menyampaikan pendirian dan pendapat dalam isu yang dibincangkan semasa perhimpunan ini. Malaysia turut mengutarakan pendirian negara untuk terus komited dalam usaha mengukuhkan ekosistem harta intelek dengan mengadakan lebih banyak program kesedaran yang efektif kepada Institusi Hos bagi *Technology and Innovation Support Center* (TISC), golongan belia dan wanita dalam memberi kesedaran mengenai perlindungan harta intelek dan menggalakkan aktiviti pengkomersialan serta keusahawanan berdasarkan harta intelek di dalam negara.



Malaysia turut menggesa supaya proses perbincangan mengenai isu berkaitan perlindungan sumber genetik, pengetahuan tradisional dan ekspresi budaya tradisional dipercepatkan ke arah mencapai persetujuan mewujudkan satu perjanjian antarabangsa mengenai perkara ini. Malaysia turut menggalakkan *Standing Committee on Copyright and Related Rights* (SCCR) meneruskan perbincangan mengenai pengecualian dan had hak cipta seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat terdahulu.

Selain itu, MyIPO juga terlibat dalam mesyuarat dua hala di antara negara-negara ASEAN dengan JPO dan EUIPO bagi membincangkan program kerjasama di bawah ASEAN-JPO Action Plan dan EUIPO-ASEAN Action Plan. MyIPO telah berpeluang membincangkan program kerjasama dengan Asia Pacific (ASPAC) Bureau WIPO antaranya mengenai perkembangan program TISC dan program EIE, program berdasarkan kompetensi bagi pemeriksa paten dan cap dagangan serta bantuan teknikal bagi menambah baik strategi harta intelek negara.

Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC)

Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC) merupakan sebuah kumpulan gerak kerja yang terdiri daripada wakil pejabat harta intelek negara-negara ASEAN sejak penubuhan pada 1996 dengan bertujuan membincangkan hala tuju dan merangka strategi pembangunan harta intelek serantau.

Pada 2018, mesyuarat ke-55 telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dari 26 hingga 28 Mac 2018, mesyuarat ke-56 di Singapura pada 3 hingga 7 September 2018 dan mesyuarat ke-57 telah berlangsung di Siem Reap, Cambodia dari 27 hingga 30 November 2018.

Bagi mesyuarat ke-55, perkara-perkara yang disentuh adalah berkenaan:

1. Tumpuan kepada inovasi, e-dagang, perkhidmatan dan liberalisasi pelaburan dengan bertemakan “Ketahanan dan Inovasi” (*Resilience and Innovation*);
2. Menumpukan kepada isu-isu yang baharu seperti Revolusi Perindustrian 4.0, perkongsian ekonomi yang bercirikan ketersediaan masa depan dan berpandangan jauh dalam kerja-kerja Pasukan Petugas Khas Peringkat Tinggi ke atas Integrasi Ekonomi (*High-Level Task Force on Economic Integration*);
3. Penyediaan templat Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (FTA) sebagai rujukan dalaman untuk rundingan FTA pada masa hadapan;
4. Penilaian strategik FTA, mengenal pasti rakan kongsi atau wilayah yang berpotensi berdasarkan kepentingan hubungan ekonomi dan faedah kepada negara-negara ASEAN, seperti Majlis Kerjasama Teluk (*Gulf Cooperation Council*); dan
5. Perbincangan FTA ASEAN-EU harus diteruskan dalam rundingan domestik dan dialog bersama pakar dalam merapatkan jurang sebelum pelancaran semula sebarang FTA.

MyIPO mengambil bahagian secara aktif dalam Mesyuarat AWGIPC dan telah menjadi negara peneraju bagi program berkaitan paten seperti penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan harta intelek, manual pemeriksaan substantif paten kebangsaan dan penyediaan ASEAN Common Guidelines on Patent Examination. Komitmen ke arah menambah baik sistem penyampaian pejabat harta intelek negara dan serantau dalam memenuhi standard antarabangsa antara yang ditekankan oleh Malaysia.

Bagi mesyuarat ke-56 pula, Malaysia memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan akan dibentangkan pada sesi Parlimen tahun 2019 dan akan menyertai Protokol Madrid pada tahun yang sama.

Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara berkaitan:

Perkara

-
- 1 Rundingan bersama ASPEC-TF berkenaan *Patent Deliverable*
 - 2 Penyertaan sebagai ahli Protokol Madrid
 - 3 Kajian Kebolehlaksanaan Penubuhan ASEAN IP Academy
 - 4 Buku Panduan Mengenai Peraturan Penguatkuasaan Harta Intelek
 - 5 Perkongsian Ekonomi Serantau yang lebih Komprehensif
 - 6 Revolusi Perindustrian 4.0
 - 7 Semakan dan Penambahbaikan Terma dan Syarat bagi AWGIPC
-

Di bawah Pelan Tindakan IPR ASEAN 2016-2025, Malaysia sebagai negara peneraju perlu memantau dan mengemas kini inisiatif-inisiatif seperti isu paten serta akademi harta intelek.



Manakala bagi mesyuarat ke-57 telah membincangkan perkara-perkara seperti:

1. Status bagi inisiatif-inisiatif di bawah ASEAN *IPR Action Plan 2016-2025* dan penyertaan ke dalam Protokol Madrid;
2. Kajian Kebolehlaksanaan Penubuhan ASEAN *IP Academy*. Bagi inisiatif ini, Malaysia telah ditawarkan untuk menjadi salah satu negara peneraju bagi merealisasikan penubuhan akademi tersebut. Selain Malaysia, Singapura dan Filipina mempunyai Akademi Harta Intelek di rantau ASEAN;
3. Buku Panduan Mengenai Peraturan Penguatkuasaan Harta Intelek sebagai satu mekanisma memantapkan lagi operasi penguatkuasaan. Buku panduan ini merupakan cadangan oleh ASEAN *Network of Intellectual Property Enforcement Experts* (ANIEE) dan diperakui oleh AWGIPC. ANIEE merupakan kumpulan kerja yang terdiri daripada wakil pegawai penguatkuasa dan pegawai pejabat harta intelek negara-negara ASEAN;
4. Sistem atas talian bagi pemberitahuan sukarela hak cipta untuk semua negara ASEAN disasarkan untuk dilaksanakan pada tahun 2020;
5. *IP Diagnostic* yang dijalankan oleh *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA) dengan kerjasama JPO dalam membuat unjuran mengenai jumlah pemfailan yang akan diterima pada masa hadapan dan menyelesaikan kes-kes tertunggak (*backlog*), dan
6. Paparan piagam pelanggan pada laman sesawang ASEAN.



Lawatan kerja YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke Jepun

Lawatan keja YB Menteri KPDNHEP ke Jepun telah diadakan dari 12 hingga 15 November 2018. WIPO telah menjemput YB Menteri KPDNHEP untuk menghadiri persidangan *WIPO 3rd Regional Conference for Presidents and Vice-Presidents of Universities and Research Institutions on Creating an Enabling IP Environment for Technology Development, Management and Commercialisation* untuk menyampaikan ucapan dasar dan berkongsi perspektif negara mengenai kaitan harta intelek dengan pembangunan, pengurusan dan pengkomersialan teknologi. Persidangan ini yang telah dihadiri oleh wakil pengurusan tertinggi universiti dan institut penyelidikan, adalah untuk membincangkan cabaran dan peluang berkaitan kompetensi dan bina upaya dalam pengurusan harta intelek serta pemindahan teknologi di universiti dan institut penyelidikan. WIPO turut mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil hab dari Malaysia, Filipina, Sri Lanka dan Thailand bagi membincangkan mengenai faedah-faedah projek EIE yang melibatkan program berkaitan bina upaya, pemindahan teknologi dan pengkomersialan.

YB Menteri juga telah mengadakan lawatan kerja ke *Japan Copyright Office* (JCO) dan organisasi badan kutipan royalti Jepun untuk berkongsi pengalaman dan amalan baik yang dilaksanakan oleh badan kutipan royalti dalam mentadbir organisasi, modul pengurusan kutipan dan pengagihan royalti serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahli. Lawatan kerja ini juga merupakan platform untuk bertukar fikiran mengenai peranan agensi kerajaan dalam mentadbir badan kutipan royalti.



Letter of Intent on Data Exchange between Intellectual Property Corporation of Malaysia and Japan Patent Office

Letter of Intent (LOI) on Data Exchange between MyIPO and JPO adalah berkaitan kerjasama pertukaran data harta intelek secara elektronik antara kedua-dua pejabat harta intelek. Perkongsian data dua hala ini bertujuan berkongsi maklumat mengenai data paten dan cap dagangan. Pada masa yang sama, kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan Jepun serta membantu MyIPO khususnya pegawai pemeriksa paten dan cap dagangan menjalankan carian seterusnya meningkatkan kualiti pemeriksaan paten dan cap dagangan.

• Technology and Innovation Support Center

WIPO National Intermediate Patent Drafting Course

WIPO National Intermediate Patent Drafting Course adalah program anjuran MyIPO dengan kerjasama WIPO yang difokuskan kepada peserta Institusi Hos. Kursus ini adalah lanjutan daripada Program *Patent Drafting (Basic)* yang telah diadakan pada tahun 2017.

Kursus yang disertai seramai 26 orang peserta ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mendraf spesifikasi paten yang berkualiti serta mengurangkan beban kos yang tinggi dalam pendraflan paten. Selain itu, kursus ini dapat menggalakkan pemfailan paten di kalangan ahli-ahli akademik dan penyelidik.



Program TISC: Bengkel Asas Harta Intelek dan Paten

Program TISC: Bengkel Asas Harta Intelek dan Paten adalah program yang dianjurkan dengan kerjasama tiga Institusi Hos iaitu Politeknik Mukah, Universiti Kuala Lumpur - *Malaysian Institute of Marine Engineering Technology* (UniKL MIMET) dan *TATI University College* (TATIUC). Institusi Hos berperanan sebagai pusat penyebaran dan rujukan harta intelek di peringkat institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan. Penganjuran bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan berkenaan harta intelek khususnya paten di kalangan pensyarah dan penyelidik di Institusi Hos.

WIPO Distance Learning

WIPO Distance Learning merupakan pembelajaran jarak jauh secara atas talian yang ditawarkan oleh pihak WIPO kepada semua TISC Institusi Hos. Kursus-kursus yang ditawarkan merangkumi topik berkaitan harta intelek mengikut tahap pengetahuan seperti Kursus Asas (*General Course*) dan Kursus Lanjutan (*Advanced Course*). Program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang fleksibel bagi TISC Institusi Hos selain memberi peluang untuk berkongsi maklumat antara organisasi. Seramai 20 peserta yang mewakili Institusi Hos TISC mendapat tawaran untuk mengikuti kursus ini secara percuma.

• Enabling IP Environment

MyIPO selaku wakil Malaysia dipertanggungjawabkan sebagai hab untuk menyelaraskan program-program EIE di antara WIPO, JPO dan EIE Spokes tempatan. Antara program dan bengkel yang diadakan pada 2018 adalah:

National Workshop on Technology Transfer Office and IP Management in the Framework of the EIE Project

Bengkel ini memfokuskan kepada pegawai-pegawai daripada *Technology Transfer Office* (TTO) setiap universiti, institusi penyelidikan, pihak industri dan Jabatan Kerajaan yang terpilih. WIPO telah menjemput pakar-pakar dalam bidang pemindahan teknologi yang berpengalaman dari luar negara sebagai penceramah bagi bengkel ini.

Bengkel ini bertujuan melatih pegawai-pegawai TTO dalam mengkomersialkan reka cipta yang dihasilkan oleh institusi masing-masing. Secara tidak langsung, bengkel ini memberi pendedahan kepada pegawai TTO tempatan berkenaan kaedah terbaik pengkomersialan yang diamalkan di peringkat antarabangsa. Bengkel ini merupakan satu platform rangkaian kerjasama di antara universiti dan industri bagi menggalakkan interaksi dan pemindahan teknologi tempatan di antara kedua-dua belah pihak dalam meningkatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek.

Seramai 71 peserta telah menyertai bengkel ini dan melibatkan beberapa agensi pemberi dana terpilih seperti *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), *SME Corp*, *Platcom Ventures* serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai insentif yang disediakan oleh Kerajaan dalam bidang pengkomersialan.

National Patent Drafting Course in the Framework of the EIE Project (for Spokes)

Bengkel ini telah disertai oleh 30 peserta Spokes terpilih iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mendraf spesifikasi paten di kalangan ahli EIE Spokes.



• FORUM

29th Session of the Standing Committee on the Law of Patents

29th Session of the Standing Committee On the Law of Patents (SCP) merupakan satu forum perbincangan mengenai isu-isu berkaitan paten di peringkat antarabangsa yang dihadiri oleh negara-negara ahli WIPO. Wakil MyIPO telah menghadiri forum tersebut yang bertujuan membincangkan harmonisasi undang-undang paten di peringkat antarabangsa khususnya subjek berkaitan:

1. pengecualian dan pengehadan hak paten;
2. kualiti paten termasuk sistem bangkangan;
3. paten dan kesihatan;
4. kerahsiaan komunikasi antara pelanggan; dan
5. paten dan pemindahan teknologi.

MyIPO - JPO Intellectual Property Commercialisation Forum

MyIPO-JPO Intellectual Property Commercialisation Forum adalah satu forum yang dianjurkan oleh MyIPO dengan kerjasama JPO dan Japan External Trade Organization (JETRO).

Objektif utama forum ini adalah untuk berkongsi maklumat dan amalan dalam pengkomersialan harta intelek serta meningkatkan aktiviti kerjasama dan mengukuhkan polisi harta intelek termasuk Program Patent Prosecution Highway (PPH).

Di samping itu, penceramah jemputan dari UM, Unicharm Corporation dan TODAI TLO Limited turut berkongsi pengalaman dan amalan terbaik untuk pengkomersialan harta intelek di Malaysia dan Jepun. Seramai 100 peserta menghadiri forum ini yang terdiri daripada wakil kementerian dan agensi, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institut penyelidikan, Institusi Hos dan ejen paten.



10 | LAPORAN KEWANGAN

Bajet MyIPO 2018

Bajet MyIPO bertemakan “Harta Intelek: Mensejahtera Ekonomi Rakyat Secara Inklusif Menuju Aspirasi TN50” telah menggariskan lima petunjang seperti yang berikut:

- Merancak pengurusan hak harta intelek yang efektif;
- Menyokong aspirasi TN50;
- Mempersiaga Revolusi Perindustrian Keempat;
- Meningkatkan kecekapan organisasi dan sistem penyampaian harta intelek inklusif; dan
- Mengukuhkan jalinan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa.

Anggaran hasil operasi dan pendapatan lain MyIPO adalah sebanyak RM90.2juta bagi tahun kewangan 2018.

Jadual 10.1: Anggaran hasil operasi dan pendapatan lain

Hasil dan Pendapatan Lain	RM	Peratusan
Cap Dagangan	53,923,110	59.78%
Paten	24,210,280	26.84%
Reka Bentuk Perindustrian	4,543,700	5.04%
Petunjuk Geografi	5,390	0.01%
Hak Cipta	310,325	0.34%
Pendapatan Lain	7,207,195	7.99%
Jumlah	90,200,000	100%

Anggaran belanja mengurus MyIPO bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM85.56juta dengan menggunakan sumber-sumber dalaman secara optimum.

Jadual 10.2: Anggaran belanja mengurus

Perbelanjaan Mengurus	RM	Peratusan
Emolumen	41,583,524	48.60%
Perkhidmatan dan Bekalan	35,411,204	41.39%
Aset	532,000	0.62%
Pemberian dan Bayaran Tetap	7,231,500	8.45%
Perbelanjaan Lain	806,500	0.94%
Jumlah	85,564,728	100%

Prestasi Kewangan 2018

Jumlah pendapatan sebenar MyIPO adalah sebanyak RM92.05juta yang dijana daripada pendapatan seperti berikut:

- **Pendapatan Operasi** - terdiri daripada fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hak Cipta dan Petunjuk Geografi berjumlah RM81.76juta; dan
- **Pendapatan Bukan Operasi/Pendapatan Lain** - terdiri daripada Sewaan Ruang Pejabat dan Pusat Latihan, Jualan Aset, Pendapatan Faedah serta Pelunasan Geran Kerajaan berjumlah RM10.29juta.

Jadual 10.3: Jumlah pendapatan sebenar

Hasil dan Pendapatan Lain	RM	Peratusan
Cap Dagangan	53,024,024	57.60%
Paten	23,146,201	25.15%
Reka Bentuk Perindustrian	5,208,120	5.66%
Petunjuk Geografi	6,870	0.01%
Hak Cipta	375,780	0.41%
Pendapatan Lain	10,286,815	11.17%
Jumlah	92,047,810	100%

Perbelanjaan Mengurus Sebenar adalah sebanyak RM75.54juta, dengan kurangan sebanyak RM10.03juta (11.72%) daripada jumlah perbelanjaan yang telah dianggarkan iaitu RM85.56juta. Pengurangan perbelanjaan berbanding anggaran ini disebabkan perbelanjaan dilaksanakan secara optimum dan berhemat.

Jadual 10.4: Perbelanjaan Mengurus Sebenar

Perbelanjaan Mengurus	RM	Peratusan
Emolumen	37,142,684	49.17%
Susut Nilai dan Pelunasan	3,511,124	4.65%
Perbelanjaan Lain		
Perkhidmatan dan Bekalan	30,123,068	39.88%
Pemberian dan Bayaran Tetap	1,184,575	1.57%
Perbelanjaan Lain	328,167	0.43%
Kos Kewangan	3,248,464	4.30%
Jumlah	75,538,082	100%

MyIPO memperolehi pendapatan keseluruhan sebanyak RM92.05juta dengan lebihan untung bersih tahun semasa sebanyak RM11.56juta berbanding RM89.77juta bagi tahun 2017.

Jadual 10.5: Perbandingan pendapatan sebenar antara 2018 dengan 2017

Hasil dan Pendapatan Lain	2018 (RM)	2017 (RM)	Peratusan Perbezaan
Cap Dagangan	53,024,024	50,024,685	6.00%
Paten	23,146,201	22,159,533	4.45%
Reka Bentuk Perindustrian	5,208,120	5,283,566	(1.43%)
Petunjuk Geografi	6,870	3,230	112.69%
Hak Cipta	375,780	312,378	20.30%
Pendapatan Operasi Lain	10,286,815	11,986,850	(14.18%)
Jumlah	92,047,810	89,770,242	2.54%

Perbelanjaan Mengurus Sebenar menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.89juta dibandingkan dengan tahun 2017 iaitu dengan peratusan perbezaan 7.24%.


Jadual 10.6: Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar antara 2018 dengan 2017

Perbelanjaan Mengurus	2018 (RM)	2017 (RM)	Peratusan Perbezaan
Emolumen	37,142,684	39,709,295	(6.46%)
Susut Nilai dan Pelunasan	3,511,124	3,675,230	(4.47%)
Perkhidmatan dan Bekalan	30,123,068	33,540,402	(10.19%)
Pemberian dan Bayaran Tetap	1,184,575	1,301,564	(8.99%)
Perbelanjaan Lain	328,167	68,648	378.04%
Kos Kewangan	3,248,464	3,135,219	3.61%
Jumlah	75,538,082	81,430,358	(7.24%)

**Jadual 10.7: Penyata pendapatan komprehensif bagi lima tahun berakhir
31 Disember, 2014-2018**

Pendapatan	2018 (RM)	2017 (RM)	2016 (RM)	2015 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan	81,760,995	77,783,392	74,735,974	74,921,633	72,037,411
Pendapatan Operasi Lain	8,040,833	9,416,975	7,372,741	4,078,846	5,043,881
Peruntukan Kerajaan	2,245,982	2,569,875	2,056,848	5,806,111	5,981,270
Jumlah Hasil dan Pendapatan	92,047,810	89,770,242	84,165,563	84,806,590	83,062,562
Emolumen	37,142,684	39,709,295	36,237,057	37,465,718	34,531,397
Belanja Operasi Lain	31,635,810	34,910,614	36,318,083	37,672,364	36,695,248
Belanja Susut Nilai dan Pelunasan	3,511,124	3,675,230	3,519,870	4,537,846	6,795,687
Kos Kewangan	3,248,464	3,135,219	3,001,766	2,819,442	-
Jumlah Perbelanjaan	75,538,082	81,430,358	79,076,776	82,495,370	78,022,332
Lebihan Pendapatan	16,509,728	8,339,884	5,088,787	2,311,220	5,040,230
Peruntukan Bayaran Kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	4,952,919	2,501,965	1,526,636	693,366	1,512,069
Lebihan Bersih	11,556,809	5,837,919	3,562,151	1,617,854	3,528,161

Carta 10.1: Lebihan Terkumpul, 2014-2018



Jadual 10.8: Penyata kedudukan kewangan bagi lima tahun berakhir 31 Disember, 2014-2018

Aset Bukan Semasa	2018 (RM)	2017 (RM)	2016 (RM)	2015 (RM)	2014 (RM)
Hartanah, Loji dan Peralatan	7,884,503	9,829,097	10,608,267	11,811,333	13,171,325
Kerja Dalam Kemajuan	103,342,452	95,913,209	82,064,424	77,375,693	63,329,271
Hartanah Pelaburan	1,876,666	1,916,666	3,032,833	3,094,833	-
Aset Tidak Ketara	13,090	-	-	-	-
Pelaburan	-	-	-	-	12,704,620
Pinjaman Pekerja	1,600,355	1,721,425	1,339,210	-	-
	114,717,066	109,380,397	97,044,734	92,281,859	89,205,216
Aset Semasa					
Pinjaman Pekerja	19,770	10,649	49,760	-	-
Penghutang, Deposit dan Prabayar	10,515,020	10,026,941	7,838,943	34,185,893	5,855,804
Simpanan Tetap Jangka Pendek	105,730,000	98,530,000	93,693,836	62,513,836	80,743,836
Wang Tunai dan Baki Bank	22,896,403	12,060,025	5,738,873	9,411,178	13,306,680
	139,161,193	120,627,615	107,321,412	106,110,907	99,906,320
Jumlah Aset	253,878,259	230,008,012	204,366,146	198,392,766	189,111,536

Jadual 10.9: Penyata kedudukan kewangan bagi lima tahun berakhir 31 Disember, 2014-2018

Dibiayai Oleh						
Lebihan Terkumpul	128,767,269	117,210,460	111,372,541	107,810,390	107,307,932	
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	6,000,000	6,000,000	6,000,000	6,000,000	6,000,000	
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	
	136,267,269	124,710,460	118,872,541	115,310,390	114,807,932	
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman	66,022,370	64,423,556	60,119,863	60,392,963	48,745,929	
Geran Pembangunan	24,554,326	19,476,932	5,646,635	5,883,878	6,962,619	
Geran Penilaian Harta Intelek	2,822,891	3,303,792	3,874,518	4,342,979	8,427,721	
	93,399,587	87,204,280	69,641,016	70,619,820	64,136,269	
Liabiliti Semasa						
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	21,391,599	15,453,878	13,489,726	12,462,556	10,167,335	
Pinjaman	2,819,804	2,639,394	2,362,863	-	-	
	24,211,403	18,093,272	15,852,589	12,462,556	10,167,335	
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	253,878,259	230,008,012	204,366,146	198,392,766	189,111,536	

Jadual 10.10: Nisbah kewangan bagi lima tahun, 2014-2018

Nisbah Kecairan	2018 (%)	2017 (%)	2016 (%)	2015 (%)	2014 (%)
Nisbah Semasa	5.75	6.67	6.77	8.51	9.83
Nisbah Tunai	5.31	6.11	6.27	5.77	9.25
Nisbah Hutang					
Nisbah Hutang kepada Jumlah Aset	0.36	0.46	0.42	0.42	0.39
Nisbah Belanja Mengurus					
Jumlah Perbelanjaan Mengurus berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%)	82.06	90.71	93.95	97.27	93.93
Belanja Emolument berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%)	40.35	44.23	43.05	44.18	41.57
Belanja Operasi Lain berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%)	34.37	38.89	43.15	44.42	44.18
Belanja Pembelian Aset Tetap berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan (%)	0.44	2.05	2.68	28.60	61.85
Nisbah Keuntungan					
Margin Untung Bersih (%)	12.56	6.50	4.23	1.91	4.25
Pulangan Atas Pelaburan Aset Tetap	0.10	0.05	0.04	0.02	0.05
Nisbah Aktiviti					
Pusingan Ganti Aset Tetap	0.80	0.82	0.87	0.92	1.09
Pusingan Ganti Jumlah Aset	0.36	0.39	0.41	0.43	0.44

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

11

PENYATA KEWANGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

- a. Simpanan tetap bagi Bank Islam Investment Management Berhad berjumlah RM85,530,000 di penyata kedudukan kewangan yang sebenarnya adalah unit amanah berjumlah RM46,229,360 pada 31 Disember 2018. Pihak Perbadanan tidak melaporkan secara berasingan akaun unit amanah di penyata kewangan. Ini tidak mematuhi MPERS Seksyen 7 di mana kesetaraan tunai tidak tertakluk kepada ketidaksamaan perubahan untuk risiko dalam nilai. Secara keseluruhan, pelaburan dalam unit amanah telah terlebih dinyatakan di penyata kedudukan kewangan dan terkurang nyata di penyata pendapatan komprehensif sebanyak RM39,300,639. Selain itu, faedah simpanan tetap berjumlah RM5,131,800 juga telah terlebih nyata di penyata pendapatan komprehensif. Kesilapan perakaunan ini telah dikenal pasti pada bulan Mei 2019 dan laporan siasatan terhadap perkara ini masih dalam tindakan dan pendedahan mengenainya ada dinyatakan di Nota 25 Kepada Penyata Kewangan.

- b. Jumlah pinjaman di penyata kedudukan kewangan berjumlah RM68,842,174 berbeza dengan pengesahan pinjaman daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia berjumlah RM69,073,800. Berdasarkan pengesahan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia perbezaan sejumlah RM231,626 merupakan bayaran pendahuluan. Pendahuluan ini merupakan bayaran balik pinjaman prinsipal yang telah dibayar dalam tempoh pertangguhan bayaran balik pinjaman prinsipal yang telah diluluskan oleh Bank Rakyat pada bulan Disember 2017. Bagaimanapun ketepatan amaun pendahuluan bayaran balik pinjaman prinsipal tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan mengenai tarikh sebenar permulaan pertangguhan bayaran balik pinjaman prinsipal tidak dikemukakan oleh Bank Rakyat.

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan

Perbadanan Harta Intelek Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(AHMAD FAZLI BIN OSMAN)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
4 DISEMBER 2019



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA


Kami, DIR. ROZHAN BIN OTHMAN dan DATUK ROSTAM AFFENDI BIN DATO' SALLEH yang merupakan Pengurusi dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO) dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO) pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



DR. ROZHAN BIN OTHMAN
Pengerusi
Tarikh : 25 NOV 2019
Tempat: KUALA LUMPUR

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



DATUK ROSTAM AFFENDI BIN DATO' SALLEH
Anggota Perbadanan
Tarikh : 25 NOV 2019
Tempat: KUALA LUMPUR

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Saya, DATO' MOHD ROSLAN BIN MAHYUDIN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur SELANGOR DARUL EHSAN
pada : 25 NOV 2019)

KETUA PENGARAH
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA



Di hadapan saya,

* 6541
PUTRA SHAHQ BIN ROSMAN
1/10/2018 3/12/2020
J-01-04, Jalan PJ5 2, Taman Medan Jaya
46000, Petaling Jaya, Selangor

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	7,884,503	9,829,097
Kerja Dalam Kemajuan	5	103,342,452	95,913,209
Hartanah Pelaburan	6	1,876,666	1,916,666
Aset Tidak Ketara	7	13,090	-
Pinjaman Pekerja	8	1,600,355	1,721,425
		114,717,066	109,380,397
ASET SEMASA			
Pinjaman Pekerja	8	19,770	10,649
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	9	10,515,020	10,026,941
Simpanan Tetap	10	105,730,000	98,530,000
Wang Tunai dan Baki Bank	11	22,896,403	12,060,025
		139,161,193	120,627,615
JUMLAH ASET		253,878,259	230,008,012
DIBIAYAI OLEH :			
Lebihan Terkumpul		128,767,269	117,210,460
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		6,000,000	6,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		1,500,000	1,500,000
		136,267,269	124,710,460
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman	12	66,022,370	64,423,556
Geran Pembangunan	13	24,554,326	19,476,932
Geran Penilaian Harta Intelek	14	2,822,891	3,303,792
		93,399,587	87,204,280

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman	12	2,819,804	2,639,394
Pelbagai Pembiutang dan Akruan	15	21,391,599	15,453,878
		<hr/> <u>24,211,403</u>	<hr/> <u>18,093,272</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<hr/> <u>253,878,259</u>	<hr/> <u>230,008,012</u>

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Pendapatan	16	81,760,995	77,783,392
Pendapatan Lain	17	10,286,815	11,986,850
JUMLAH PENDAPATAN		92,047,810	89,770,242
Emolumen	18	37,142,684	39,709,295
Belanja Susut Nilai dan Pelunasan		3,511,124	3,675,230
Belanja Operasi Lain	19	31,635,810	34,910,614
Kos Kewangan	20	3,248,464	3,135,219
		75,538,082	81,430,358
Lebihan pendapatan sebelum bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan		16,509,728	8,339,884
Peruntukan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	21	(4,952,919)	(2,501,965)
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS BAYARAN KEPADА KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN		11,556,809	5,837,919

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	LEBIHAN TERKUMPUL RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERaan RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER RM	JUMLAH RM
Baki Pada 1 Januari 2017	111,372,541	6,000,000	1,500,000	118,872,541
Lebihan Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,837,919	-	-	5,837,919
Baki Pada 31 Disember 2017	117,210,460	6,000,000	1,500,000	124,710,460
Lebihan Pendapatan Bersih Tahun Semasa	11,556,809	-	-	11,556,809
Baki Pada 31 Disember 2018	128,767,269	6,000,000	1,500,000	136,267,269

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan Pendapatan Sebelum Bayaran Kepada Kumpulan Wang		16,509,728	8,339,884
Disatukan			
Pelarasan :			
Susut nilai dan Pelunasan		3,511,124	3,675,230
Faedah Pinjaman – Bangunan		3,248,464	3,135,219
(Keuntungan)/Kerugian Atas Pelupusan Aset		(22,864)	31,053
Keuntungan Dalam Simpanan Tetap dan Pelaburan		(5,804,098)	(6,373,836)
Pelunasan Geran		(2,573,506)	(3,040,430)
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL		14,868,848	5,767,120
KERJA			
Penambahan Pelbagai Penghutang		(376,130)	(2,531,101)
Pengurangan Pelbagai Permitang		984,802	(537,814)
TUNAI DIJANA UNTUK AKTIVITI OPERASI		15,477,520	2,698,205
Faedah Pinjaman Dibayar - Bangunan		(3,248,464)	(3,135,219)
TUNAI BERSIH DIJANA/(DIGUNAKAN) UNTUK AKTIVITI OPERASI		12,229,056	(437,014)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penambahan Aset Tetap/ Kerja Dalam Kemajuan		(8,972,188)	(15,690,167)
Penambahan dalam Simpanan Tetap		(7,200,000)	(16,736,164)
Jualan Aset		26,189	30,435
Keuntungan Dalam Simpanan Tetap dan Pelaburan		5,804,098	6,373,836
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PELABURAN		(10,341,901)	(26,022,060)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pinjaman Bank		1,779,223	4,580,226
Penambahan Geran Pembangunan		7,170,000	16,300,000
TUNAI BERSIH DIJANA DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		8,949,223	20,880,226
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		10,836,378	(5,578,848)
Tunai			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		17,060,025	22,638,873
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	22	27,896,403	17,060,025

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018****1) Maklumat Am**

Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) beralamat di Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Perbadanan adalah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan, memungut dan menguatkuasakan bayaran fi atau apa-apa caj untuk Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta dan Petunjuk Geografi yang diperuntukkan di bawah Perundangan Harta Intelek, bertindak sebagai penasihat dalam apa-apa isu atau perkara berkaitan perundangan Harta Intelek, memberi kesedaran kepada masyarakat awam tentang kepentingan Harta Intelek melalui penganjuran program di peringkat dalam negeri dan sebagai penyebar maklumat berkaitan Harta Intelek.

Penyata kewangan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana Perbadanan beroperasi.

Matawang fungsian Perbadanan adalah Ringgit Malaysia ("RM"), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

2) Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Anggota Perbadanan pada **25 November 2019**.

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama

Penyata kewangan yang dilampirkan pada muka surat 3 hingga 29 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos tolak susutnilai terkumpul. Kos sesuatu item bagi harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Perbadanan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item harta tanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, kecuali tanah pegangan bebas.

Kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam kemajuan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskan amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018****3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)****a) Hartanah, Loji dan Peralatan (*sambungan*)**

Peratus Tahunan Susutnilai :

	Peratus Tahunan	Hayat Berguna (tahun)
Bangunan	2%	50
Kelengkapan pejabat	10%	10
Komputer	20%	5
Kenderaan	20%	5

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartaanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartaanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

Kerja Dalam Kemajuan yang diiktiraf adalah merangkumi kos pembinaan bangunan dan pembangunan sistem bagi Perbadanan.

b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartaanah pelaburan, jika nilai saksama item hartaanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap lima (5) tahun dari tarikh pelaporan terakhir dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kepentingan hartaanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambilkira sebagai hartaanah pelaburan. Peratusan susutnilai adalah sebanyak 2% setahun dengan hayat berguna selama 50 tahun.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018****3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)****c) Aset Tidak Ketara**

Aset tidak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset akan mengalir kepada Perbadanan, kos atau nilai aset boleh diukur dengan pasti dan aset tidak mengakibatkan daripada perbelanjaan yang dilibatkan secara dalaman pada item tidak ketara.

Pelunasan aset tidak ketara adalah sebanyak 2% setahun dengan hayat berguna selama 10 tahun selaras dengan tempoh pembaharuan Cap Dagangan yang telah didaftarkan.

d) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Perbadanan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskon sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia diambilkira sebagai peningkatan penilaian semula.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)d) Rosotnilai Aset (*sambungan*)

Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosotnilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Rosotnilai akan dicaj di Penyata Pendapatan Komprehensif. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali terdapat pembalikan rosotnilai atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambilkira ke Lebihan Penilaian Semula.

e) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)d) Aset Kewangan (*sambungan*)ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan (*sambungan*)

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskuan anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan aman bawaan aset kewangan.

iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv. Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

f) Simpanan Tetap

Simpanan tetap dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang disimpan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

g) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

h) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Perbadanan kepada pengaturan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)h) Liabiliti Kewangan (*sambungan*)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaan kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

ii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaan bawaan liabiliti kewangan.

iii. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaan bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018****3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)****i) Pinjaman Kakitangan**

Pinjaman kakitangan dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang rugu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaua tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskira pada tempoh ia dikenalpasti.

j) Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaua obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaua yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

k) Pengiktirafan Geran dan Peruntukan

Perbadanan telah memperuntukkan kumpulan wang sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan daripada lebihan terkumpul setiap tahun.

i. Lebihan Terkumpul

Lebihan Terkumpul merupakan lebihan pendapatan Perbadanan dari perbelanjaan yang terkumpul selama beroperasi bagi membiayai perbelanjaan operasi yang diambilkira sebagai pendapatan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif (Lebihan Terkumpul) tahun semasa.

ii. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan merupakan peruntukan dari Lebihan Terkumpul bagi tujuan membiayai pinjaman kenderaan kepada kakitangan sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan.

iii. Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Kumpulan Wang Pinjaman Komputer merupakan peruntukan dari Lebihan Terkumpul bagi tujuan membiayai pinjaman komputer kepada kakitangan sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018**

- 3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)
k) Pengiktirafan Geran dan Peruntukan (*sambungan*)

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

i. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan yang diterima bagi membiayai kos projek pembangunan dan penyelidikan adalah hanya diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan (Geran Pembangunan) tahunan dan ianya digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susutnilai.

ii. Geran Penilaian Harta Intelek

Geran Penilaian Harta Intelek diterima bagi membiayai kos projek pembangunan dan penyelidikan adalah hanya diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan (Geran Penilaian Harta Intelek) tahunan dan ianya digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh projek pembangunan itu dijalankan.

l) Pinjaman

Kos pinjaman merupakan kos pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO yang mempunyai cagaran di bank berlesen. Kos pinjaman ini adalah termasuk faedah sebanyak 4% dan BFR yang diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018****3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)****m) Pengiktirafan Hasil dan Pendapatan**

Sumber Pendapatan Perbadanan Harta Intelek Malaysia terdiri daripada Fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, Petunjuk Geografi, kutipan sewaan dan faedah diterima daripada Simpanan Tetap.

Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut :

i. Pendapatan Operasi

Pendapatan Fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, Petunjuk Geografi diiktiraf secara tunai dan akruan.

ii. Pendapatan Bukan Operasi

- Pendapatan sewaan diiktiraf apabila inbois dikeluarkan.

Hasil sewa hartaanah adalah diiktiraf pada atas akruan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Perbadanan dan amanah hasil boleh diukur dengan munasabah.

- Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf secara tunai dan akruan.

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif manakala hasil dividen diiktiraf apabila pemegang saham mendapat hak untuk menerima bayaran.

- Pelunasan Geran Pembangunan dan Geran Penilaian Harta Intelek yang diterima turut diambil kira sebagai pendapatan lain.

n) Tanggungan Luar Jangka

Peruntukan dibuat bila pihak Perbadanan mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber perlu dibuat untuk menjelaskan obligasi dan bila anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut.

o) Manfaat Pekerja / Faedah Persaraan Kakitangan**Manfaat jangka pendek**

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada arauan tidak didiskau sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)o) Manfaat Pekerja / Faedah Persaraan Kakitangan (*sambungan*)**Pelan Caruman Tetap**

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Pertubuhan Keselamatan Sosial ("PERKESO") dan Kumpulan Wang Amanah Pencen ("KWAP") diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Pelan Gantian Cuti Rehat (GCR)

Gantian Cuti Rehat diperuntukkan bagi tempoh masa setahun. Peruntukan bagi Gantian Cuti Rehat dibuat berdasarkan 1/30 dari gaji terakhir pegawai termasuk eluan ketika bersara beserta jumlah cuti rehat terkumpul sepanjang tempoh perkhidmatan di Perbadanan.

p) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Perbadanan bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar. Perbadanan akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari masa ke semasa.

i. Risiko Kadar Faedah

Pihak Perbadanan membuat pembiayaan bagi pembelian bangunan baru dan oleh itu terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

ii. Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Pihak Perbadanan tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iii. Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko di mana pihak lain mengingkari tanggungjawab kontrak yang menyebabkan kerugian kepada Perbadanan. Perbadanan menggunakan pakai dasar hanya untuk berurus secara kredit dengan pihak yang layak dan mendapatkan cagaran yang mencukupi atau keselamatan yang lain di mana sesuai, sebagai satu cara untuk mengurangkan risiko kerugian kewangan daripada kegagalan membayar. Penerimaan dari pengutang dipantau secara berterusan melalui prosedur laporan pengurusan Perbadanan ini. Nilai yang direkodkan di dalam penyata kewangan mewakili pendedahan maksimum Perbadanan kepada risiko kredit.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)p) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (*sambungan*)

iv. Risiko Mudah Tunai

Pihak Perbadanan mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

4) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos	Komputer	Kelengkapan Pejabat	Kenderaan	Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2018	41,856,906	8,222,005	2,921,349	1,418,899	54,419,159
Pindahan	1,127,500	-	-	-	1,127,500
Penambahan	243,180	50,855	108,254	-	402,289
Pelupusan	(16,660)	(8,300)	(199,500)	-	(224,460)
Baki pada 31 Disember 2018	43,210,926	8,264,560	2,830,103	1,418,899	55,724,488
Susut Nilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2018	36,240,848	5,852,945	2,437,149	59,120	44,590,062
Susut nilai	2,534,967	694,046	213,667	28,378	3,471,058
Pelupusan	(16,656)	(4,980)	(199,499)	-	(221,135)
Baki pada 31 Disember 2018	38,759,159	6,542,011	2,451,317	87,498	47,839,985
Nilai Buku Bersih	4,451,767	1,722,549	378,786	1,331,401	7,884,503

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

4) Hartanah, Loji dan Peralatan (*sambungan*)

Kos	Komputer	Kelengkapan Pejabat	Kenderaan	Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2017	40,109,291	8,162,138	3,041,171	318,899	51,631,499
Pindahan	-	-	-	1,100,000	1,100,000
Penambahan	1,747,615	59,867	33,899	-	1,841,381
Pelupusan	-	-	(153,721)	-	(153,721)
Baki pada 31 Disember 2017	41,856,906	8,222,005	2,921,349	1,418,899	54,419,159
Susut Nilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2017	33,712,908	5,142,825	2,160,590	6,909	41,023,232
Pindahan	-	-	-	23,833	23,833
Susut nilai	2,527,940	710,120	368,792	28,378	3,635,230
Pelupusan	-	-	(92,233)	-	(92,233)
Baki pada 31 Disember 2017	36,240,848	5,852,945	2,437,149	59,120	44,590,062
Nilai Buku Bersih	5,616,058	2,369,060	484,200	1,359,779	9,829,097

5) Kerja Dalam Kemajuan

	2018	2017
	RM	RM
Pembangunan Bangunan MyIPO*	87,821,783	85,810,934
Pembangunan Sistem IPR Marketplace	-	1,014,750
Pembangunan Sistem SAGA	688,500	612,000
Pembangunan Sistem Pengurusan Harta Intelek	14,832,169	8,475,525
	103,342,452	95,913,209

*Pembangunan bangunan MyIPO telah mendapat kelulusan pelanjutan masa sehingga 24 Februari 2020 dengan tawaran imbuhan pada nilai RM39.2 juta seperti yang telah dipersetujui. Walaubagaimanapun, jumlah ini masih dalam rundingan bersama-sama dan syarat yang akan dimuktamadkan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

6) Hartanah Pelaburan

	2018 RM	2017 RM
Kos		
Baki pada 1 Januari	2,000,000	3,100,000
Pindahan	-	(1,100,000)
Penambahan	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>2,000,000</u>	<u>2,000,000</u>
Susut Nilai Terkumpul		
Baki pada 1 Januari	83,334	67,167
Pindahan	-	(23,833)
Susut Nilai	<u>40,000</u>	<u>40,000</u>
Baki pada 31 Disember	<u>123,334</u>	<u>83,334</u>
Nilai Buku Bersih	<u>1,876,666</u>	<u>1,916,666</u>

7) Aset Tidak Ketara

	2018 RM	2017 RM
Harta Intelek		
Kos		
Baki pada 1 Januari	-	-
Penambahan	<u>13,156</u>	-
Baki pada 31 Disember	<u>13,156</u>	-
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada 1 Januari	-	-
Pelunasan	<u>66</u>	-
Baki pada 31 Disember	<u>66</u>	-
Nilai Buku Bersih	<u>13,090</u>	<u>-</u>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

8) Pinjaman Pekerja

	2018 RM	2017 RM
Aset Bukan Semasa		
Pinjaman Pekerja- Kenderaan	1,536,327	1,622,814
Pinjaman Pekerja- Komputer	64,028	98,611
	<hr/> 1,600,355	<hr/> 1,721,425
Aset Semasa		
Pinjaman Pekerja- Kenderaan	10,789	3,844
Pinjaman Pekerja- Komputer	8,981	6,805
	<hr/> 19,770	<hr/> 10,649
	<hr/> 1,620,125	<hr/> 1,732,074

Pinjaman pekerja kenderaan dan komputer mewakili jumlah pinjaman yang belum dibayar oleh para pekerja MyIPO. Tempoh maksimum bayaran balik pinjaman kenderaan adalah sehingga 9 tahun manakala bagi pinjaman komputer adalah 5 tahun daripada tarikh pinjaman diluluskan. Terma bayaran balik adalah bayaran bulanan ataupun bayaran terus sekali gus. Jumlah bayaran balik dalam tempoh setahun direkod sebagai Aset Semasa manakala jumlah bayaran balik melebihi tempoh setahun direkod sebagai Aset Bukan Semasa.

9) Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar

	2018 RM	2017 RM
Pendahuluan Diri	6,993	224,257
Pendapatan Terakru	5,552,847	5,045,224
Deposit dan Prabayar	3,471,353	3,471,353
Penghutang Pelbagai	<hr/> 1,483,827	<hr/> 1,286,107
	<hr/> 10,515,020	<hr/> 10,026,941

10) Simpanan Tetap

	2018 RM	2017 RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	10,200,000	10,000,000
Bank Islam Malaysia Berhad (Nota 25)	85,530,000	83,530,000
OCBC Al-Amin Bank (Nota 22)	10,000,000	5,000,000
	<hr/> 105,730,000	<hr/> 98,530,000

Cagaran untuk pinjaman pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO di atas adalah dalam bentuk wang tahanan yang disimpan dalam simpanan tetap yang berjumlah RM10,200,000 (2017: RM10,000,000) (Nota 12(d)).

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

11) Wang Tunai dan Baki Bank

	2018 RM	2017 RM
Tunai di Bank	22,884,670	12,056,869
Tunai di Tangan	11,733	3,156
	<u>22,896,403</u>	<u>12,060,025</u>

12) Pinjaman

	2018 RM	2017 RM
Ansuran minimum perlu dibayar		
- Tidak melebihi setahun	5,006,040	4,876,659
- Lebih daripada setahun tetapi tidak melebihi lima tahun	20,024,162	19,506,638
- Lebih daripada lima tahun	50,964,134	62,760,779
	<u>75,994,336</u>	<u>87,144,076</u>
Faedah atas pinjaman masa hadapan	(7,152,162)	(20,081,126)
	<u>68,842,174</u>	<u>67,062,950</u>
Diwakili oleh pinjaman:		
- Semasa	2,819,804	2,639,394
- Jangka panjang	66,022,370	64,423,556
Jumlah Pinjaman	<u>68,842,174</u>	<u>67,062,950</u>

a. Pinjaman ini adalah merupakan sebahagian kos pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO pada had pinjaman RM237,500,000 tertakluk kepada perjanjian pinjaman dengan bank berlesen bertarikh 18 April 2013.

b. Pembayaran balik kos pembiayaan pembinaan bangunan perlu dibayar dalam tempoh 20 tahun daripada tarikh pembiayaan dibuat dan dikenakan faedah pada kadar berikut:

Kadar keuntungan siling sebanyak 4% + BFR akan digunakan untuk mengira harga jualan. Kadar keuntungan sebenar dan ansuran adalah seperti dijadual:

Bulan	Ansuran (RM)	Kadar Keuntungan
1 - 36	2,100,029.00	COF + 1.00 %
37	2,099,993.75	COF + 1.50 %
38-195	2,761,956.00	COF + 2.00 %
196	2,761,860.60	COF + 2.50 %

*Kadar COF akan berubah dari semasa ke semasa.

c. Jadual di atas mengandaikan pelepasan sekaligus jumlah pembiayaan. Sekiranya pelepasan progresif amaun pembiayaan dan/atau bayaran progresif diterima daripada Perbadanan, jadual akan dipinda sewajarnya untuk mengekalkan keuntungan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

12) Pinjaman (*sambungan*)

- d. Cagaran untuk pinjaman pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO di atas adalah dalam bentuk wang tahanan yang disimpan dalam simpanan tetap yang berjumlah RM10,200,000 (2017: RM10,000,000) (Nota 10).

13) Geran Pembangunan

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	19,476,932	5,646,635
Penerimaan tahun semasa	7,170,000	16,300,000
	<hr/> 26,646,932	<hr/> 21,946,635
Geran Pembangunan dilunaskan :		
Belanja Operasi*	(2,092,606)	(2,469,703)
Baki pada 31 Disember	<hr/> 24,554,326	<hr/> 19,476,932

	2018 RM	2017 RM
*Belanja Operasi		
Pelunasan Geran kepada Pendapatan (Nota 16):		
Cap Dagangan	226,480	320,659
Patent	62,700	95,730
Reka Bentuk Perindustrian	32,200	47,600
Hakcipta	4,745	6,565
Petunjuk Geografi	1,400	-
Pelunasan Geran kepada Belanja (Nota 17)	<hr/> 1,765,081	<hr/> 1,999,149
	<hr/> 2,092,606	<hr/> 2,469,703

14) Geran Penilaian Harta Intelek

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	3,303,792	3,874,518
Geran Penilaian Harta Intelek dilunaskan :		
Belanja Operasi (Nota 17)	(480,901)	(570,726)
Baki pada 31 Disember	<hr/> 2,822,891	<hr/> 3,303,792

Geran Penilaian Harta Intelek ini mewakili kos operasi dalam menjalankan Program "Penilaian Harta Intelek". Peruntukan ini diperoleh daripada Kementerian Kewangan (MOF) berjumlah sebanyak RM19,000,000.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

15) Pelbagai Pemutang dan Akruan

	2018	2017
	RM	RM
Pemutang Pelbagai	2,035,575	6,078,789
Penyelesaian Cek Batal/Tamat Tempoh	90,206	74,489
Pemutang IP Online	1,064,808	46,460
Wang Tahanan	191,026	371,026
Perbelanjaan terakru	698,101	254,928
Peruntukan kepada Kumpulan Wang Disatukan	12,016,326	7,063,408
Peruntukan Faedah Pekerja	5,193,672	1,477,424
Peruntukan Gantian Cuti Rehat (GCR)	41,605	26,424
Peruntukan Program IP (1AES)	60,280	60,930
	<hr/> 21,391,599	<hr/> 15,453,878

16) Pendapatan

	2018	2017
	RM	RM
Cap Dagangan	53,024,024	50,024,685
Paten	23,146,201	22,159,533
Reka Bentuk Perindustrian	5,208,120	5,283,566
Hakcipta	375,780	312,378
Petunjuk Geografi	6,870	3,230
	<hr/> 81,760,995	<hr/> 77,783,392

Pendapatan adalah termasuk pelunasan Geran Pembangunan yang dilunaskan kepada Pendapatan (Nota 13).

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

17) Pendapatan Lain

	2018 RM	2017 RM
Pelunasan Geran:		
Geran Pembangunan (Nota 13)	1,765,081	1,999,149
Geran Penilaian Harta Intelek (Nota 14)	480,901	570,726
Hasil Operasi Lain	1,750,314	2,236,287
Sewaan Ruang Pejabat	486,421	806,852
Faedah Pelaburan:		
Simpanan Tetap	5,804,098	6,373,836
	<u>10,286,815</u>	<u>11,986,850</u>

18) Emolumen

	2018 RM	2017 RM
Gaji	23,144,339	22,946,428
Elaun Perkhidmatan Tetap	4,191,577	4,481,856
Sumbangan Tetap untuk Pekerja	4,170,620	4,285,860
Kerja Lebih Masa	400,407	346,617
Bonus dan Faedah Kewangan	5,235,741	7,648,534
	<u>37,142,684</u>	<u>39,709,295</u>

Jumlah Pekerja

Jumlah pekerja pada akhir tahun

Bil.

411

Bil.

424



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

19) Belanja Operasi Lain

	2018	2017
	RM	RM
Elaun Perjalanan	923,678	1,047,340
Elaun Pengangkutan	14,221	-
Utiliti dan Komunikasi	1,662,037	1,602,491
Sewaan	13,847,966	13,991,298
Bekalan Pejabat dan Lain-Lain	716,321	728,660
Penyelenggaraan dan Perkhidmatan	3,279,737	4,168,492
Percetakan dan Lain-Lain Perkhidmatan	7,097,184	8,021,099
Sumbangan Dalam dan Luar Negara	1,184,575	1,301,564
Hari Harta Intelek Negara	869,617	994,161
Akademi Harta Intelek	282,273	382,811
Bayaran Balik dan Hapus Kira	328,167	68,648
Ganjaran	35,753	22,576
Caj Bank	436,807	121,397
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	957,474	2,460,077
	<u>31,635,810</u>	<u>34,910,614</u>

20) Kos Kewangan

	2018	2017
	RM	RM
Faedah Pinjaman - Bangunan	<u>3,248,464</u>	<u>3,135,219</u>

21) Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Berdasarkan kepada Seksyen 36 Akta Perbadanan Harta Intelek 2002 (Akta 617), Perbadanan boleh atas arahan Kerajaan menyebabkan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan suatu amanah tidak melebihi tiga puluh peratus daripada lebihan semasa tahunannya selepas tahun ketiga pengendaliannya.

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	2018	2017
	RM	RM
Bayaran 30 Peratus kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	<u>4,952,919</u>	<u>2,501,965</u>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

22) Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	2018 RM	2017 RM
Simpanan Tetap*	5,000,000	5,000,000
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	22,896,403	12,060,025
	<u>27,896,403</u>	<u>17,060,025</u>

*Simpanan Tetap	2018 RM	2017 RM
OCBC Al-Amin Bank (Nota 10)	5,000,000	5,000,000
	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>

23) Komitmen Modal	2018 RM	2017 RM
Perbelanjaan Modal		
Diluluskan dan terikat untuk:-		
Pembelian Bangunan	<u>162,178,217</u>	<u>164,189,066</u>

24) Pampasan Kakitangan Pengurusan Utama	2018 RM	2017 RM
Jumlah pampasan kakitangan pengurusan utama	<u>774,435</u>	<u>620,400</u>

Jumlah pampasan kakitangan pengurusan utama adalah termasuk dengan bayaran ex-gratia. Bayaran ini hanya dibayar sekali dalam tempoh pelantikan termasuk lantikan semula.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

25) Kesan Terhadap Pindaan Penyata

Perkara	Baki Sebelum Diaudit (RM)	Pindaan (RM)	Baki Selepas Pindaan (RM)
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBIR 2018			
ASET BUKAN SEMASA Kerja Dalam Kemajuan	104,149,769	(807,317)	103,342,452
ASET SEMASA Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	10,673,819	(158,799)	10,515,020
DIBIAYAI OLEH : Lebihan Terkumpul	128,828,087	(60,818)	128,767,269
LIABILITI BUKAN SEMASA Pinjaman	66,796,619	(774,249)	66,022,370
Geran Pembangunan	24,589,371	(35,045)	24,554,326
LIABILITI SEMASA Pinjaman	2,852,872	(33,068)	2,819,804
Pelbagai Pembiutan dan Akruan	21,454,535	(62,936)	21,391,599
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBIR 2018			
Pendapatan Lain	10,283,789	3,026	10,286,815
Emolumen	37,067,684	75,000	37,142,684
Belanja Operasi Lain	31,620,902	14,908	31,635,810
Peruntukan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	4,978,983	(26,064)	4,952,919
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBIR 2018			
Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja	14,990,774	(121,926)	14,868,848
Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) Untuk Aktiviti Operasi	12,229,055	1	12,229,056
Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan	(11,149,217)	807,316	(10,341,901)
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan	9,756,540	(807,317)	8,949,223

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2018

26) Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan

i. **Dasar-Dasar Perakaunan Utama**

Perbadanan telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara untuk menggunakan piawaian perakaunan yang baru iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai tahun 2019.

Pemakaian piawaian perakaunan yang baru ini adalah selaras dengan Surat Pemakaian Piawaian Perakaunan bagi Rangka Kerja Pelaporan Penyata Kewangan oleh Badan-Badan Berkawan Persekutuan bertarikh 9 Disember 2016 yang mewajibkan badan-badan berkawan untuk menggunakan MPSAS mulai tahun 2020. Walaubagaimanapun, Perbadanan telah mengambil inisiatif untuk memohon penggunaan awal sebagai persediaan sebelum diwajibkan penggunaan piawaian perakaunan tersebut pada tahun 2020.

ii. **Hartanah Pelaburan**

Perbadanan akan membuat penilaian semula bagi harta tanah pelaburan dalam tahun 2019 selaras dengan pemakaian piawaian perakaunan yang baru iaitu MPSAS bagi mengiktiraf harta tanah pelaburan tersebut pada nilai saksama.

iii. **Simpanan Tetap**

Perbadanan telah membuat peletakan di dalam simpanan tetap di BIMB Investment Management Bhd dengan jumlah terkumpul sehingga 31 Disember 2018 sebanyak RM85,530,000 (Nota 10).

Dalam tahun 2019, Perbadanan telah mendapat peletakan simpanan tetap ini telah diselewengkan menjadi satu pelaburan unit amanah berbanding simpanan tetap seperti yang telah dilaporkan di dalam tahun-tahun sebelumnya. Perbadanan telah dimanipulasi oleh konsultan yang dilantik oleh pihak bank untuk membuat peletakan di dalam simpanan tetap tetapi sebenarnya merupakan unit amanah. Arahan daripada Perbadanan adalah untuk peletakan simpanan tetap sahaja tetapi pihak BIMB Investment Management Bhd telah membuat peletakan di dalam unit amanah. Laporan polis telah dibuat dan surat aduan kepada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah dikemukakan. Perbadanan masih lagi menunggu maklumbalas untuk tindakan susulan.

Susulan daripada perkara tersebut, Perbadanan juga telah mendapatkan khidmat kepakaran peguamcara untuk meneliti dan menyemak segala dokumentasi berkaitan.

Walaubagaimanapun, pelarasan hanya akan dibuat pada tahun 2019 memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan di semua peringkat. Pada 31 Disember 2018, nilai simpanan tetap berjumlah RM85,530,000.00 yang diselewengkan menjadi satu pelaburan unit amanah ini berjumlah RM46,229,360.82 dengan harga seunit RM0.1191. Pada 25 November 2019, pelaburan ini berjumlah RM46,617,516.66 dengan harga seunit RM0.1201.

iv. **Hasil Terakru**

Perbadanan akan membuat pelarasan bagi faedah terakru simpanan tetap daripada BIMB Investment Management Bhd berjumlah RM5,116,036.32 yang sebenarnya merupakan penebusan unit amanah dalam tahun 2019 berkait dengan perkara simpanan tetap diatas.

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

HUBUNGI KAMI

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO) IBU PEJABAT

Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA
Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur

Tel : +603-22998400
Faks : +603-22998989
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my

ZON UTARA

No 77 Tingkat Bawah, Jalan Todak 6, Sunway Perdana, 13700 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Tel : +604-3830403
Faks : +604-3831792

ZON TENGAH

Lot 1-24 & 1-25 Aras 1, Menara MITC Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : +606-2324733
Faks : +606-2324727

ZON SELATAN

P3-UTC-03&04, Podium 3, Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bahru, Johor

Tel : +607-2222873
Faks : +607-2222870

ZON TIMUR

A21-GF, NO 1&2, Blok A, Kuantan Perdana, Commercial Centre, Jalan Tun Ismail 1, 25000 Kuantan, Pahang

Tel : +609-5173749
Faks : +609-5173776

SABAH

Unit No 11, Tingkat 2 & Tingkat 3, Blok B, Warisan Square, Jalan Tun Fuad Stephens, Beg Berkunci 2068, 88999 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : +6088-233571
Faks : +6088-257046

SARAWAK

Lot 9936 (Sub Lot 5), Tingkat 3, Queen's Court, Blok E, Jalan Wan Alwi, 93350 Kuching, Sarawak

Tel : +6082-459075
Faks : +6082-455052

w w w . m y i p o . g o v . m y